

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

“DARI faktor-faktor semula jadi, kita sudah memiliki kekuatan-kekuatan tersendiri, di antaranya faktor ketenteraman dan kestabilan politik, ditambah lagi dengan asas ekonomi yang kukuh yang telah dikurniakan oleh Allah kepada kita. Ini semua menjadi aset penting untuk lebih menarik lagi pelabur asing ke negara ini. Tinggal sahaja lagi, kita perlu pandai memelihara dan mempertahankannya.”

- Titah Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-27 pada 23 Februari 2011 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسنى ايمان

MANISNYA IMAN

“DAN sebaliknya orang-orang yang melanggar perjanjian Allah selepas perjanjian itu diperteguhkan (diikrarkan) dan memutuskan apa yang diperintahkan oleh Allah supaya dihubungkan silaturahmi dan mereka juga melakukan kerosakan di bumi, mereka itulah yang mendapat laknat dan bagi mereka seburuk-buruk tempat kediaman di Akhirat (neraka).”

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar Ra'd ayat 25).

TAHUN 60 / BILANGAN 46

18 APRIL 2015 / 1436 جمادى الأخير

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Berangkat saksikan Kejohanan Renang Peringkat Umur Brunei

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Renang Peringkat Umur Brunei Ke-23 yang berlangsung di Kolam Renang Kebangsaan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel berkenan menyertai kejohanan bagi Kategori 9 Tahun.

Keberangkatan Kebawah DYMM pada kejohanan tersebut dijunjung oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Juga berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah serta cucunda baginda, Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Haseeb bin Pengiran Maharaja

Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.

Dalam kejohanan itu, baginda berkenan menyaksikan acara Kuak Dada 50 Meter Lelaki yang disertai oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, perenang Kelab Renang Diraja.

Sementara, YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim yang mewakili Pasukan Sekolah Antarabangsa Brunei (International School Brunei - ISB) Hammerheads telah menyertai empat acara berasingan bagi Kategori Umur 8-9 Tahun dalam acara Gaya Bebas 50m, Kuak Dada 50m, Kuak Kupu-Kupu 100m dan Kuak Lentang 100m.


YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim berjaya memecah rekod peribadi dan Rekod Peringkat Umur Kebangsaan menerusi Kuak Kupu-Kupu 100m dengan catatan 2 minit 31.89 saat dan acara 100m menerusi acara Kuak Lentang dengan catatan masa 2 minit 15.27 saat.

Juga mengambil bahagian ialah YAM Pengiran Anak 'Abdul Haseeb, perenang ISB Hammerheads dalam dua kategori iaitu Kategori 50m Kuak Dada dan 50m Gaya Bebas.

Kejohanan yang dianjurkan oleh Persatuan Renang Amatir Brunei (BASA) disertai lebih 289 perenang yang mewakili 15 buah pasukan termasuk pasukan dari Miri, Sarawak dan Indonesia dengan mempertandingan lebih 10 acara mengikut Kategori Umur.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Renang Peringkat Umur Brunei Ke-23 yang berlangsung di Kolam Renang Kebangsaan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Juga berangkat ialah paduka-paduka anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

- Foto : Masri Osman (Lihat muka 3).



Memperkasa pembangunan kapasiti jana pendapatan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Masri Osman

KAMPUNG SALAMBIGAR, Khamis, 16 April. - Dalam menempuh cabaran dan dugaan hidup sememangnya tidak terdapat perkara yang tidak boleh dicapai untuk membawa kemajuan diri serta membuat perubahan positif dalam kehidupan.

Pokoknya kita perlu ada kemahuan dan keyakinan yang diikuti dengan usaha, ikhtiar, kerajinan dan doa untuk mencapai impian kita itu.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah pada Majlis Penyampaian Sijil-Sijil kepada Lulusan Fasa 1, 2 dan 3 Program Perkasa Komuniti (PPK) di Pusat Pembangunan Belia (PPB), di sini.

Menurut Yang Berhormat, PPK yang diusahakan oleh

Jabatan Pembangunan Belia (JAPEM) merupakan sebuah *empowerment* program pembangunan kapasiti bagi golongan yang menerima bantuan bulanan kebajikan yang bertujuan untuk menyediakan latihan kemahiran mengikut keupayaan dan keperluan golongan sasaran serta keluarga mereka yang mana nanti akan dapat membuka keupayaan (*unlocks potentials*) dan digunakan sebagai usaha untuk mendapatkan pekerjaan demi menjana pendapatan melalui perusahaan kecil-kecilan.

Jelas Yang Berhormat, berdasarkan kepada perancangan awal dan 'Key Performance Indicator' (KPI) yang disediakan dalam pelaksanaan program tersebut telah menyasarkan untuk memberikan latihan kepada seramai 200 orang pelatih setiap tahun.

Tambahnya, ia dihasratkan akan dapat membantu mereka yang berkenaan memperolehi sebarang pekerjaan atau menjalankan perniagaan sendiri dan dalam masa yang sama program berkenaan juga akan dapat memupuk sikap berdikari para peserta dan seterusnya bagi mengurangkan kebergantungan mereka kepada bantuan yang diterima.

Ke muka 24

Keluaran Khas

SEMPENA Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah, PELITA BRUNEI keluaran hari ini, Sabtu, 18 April 2015 menerbitkan KELUARAN KHAS



sebanyak 16 muka surat yang memuatkan gambar-gambar pada sekitar Majlis Istiadat

Akad Nikah Diraja;
Majlis Istiadat Berbedak Diraja;
Majlis Bersanding Pengantin Diraja dan
Majlis Istiadat Santap Pengantin Diraja dan lain-lain.

Sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan

Tanamkan semangat berdikari dan berusaha sendiri

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

PERTAMA-TAMA peramba / kaola / saya sukacita mengucapkan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa yang dapat hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Bagi Tahun 2015 pada petang ini. Kehadiran abis Pehin / Pengiran / Tuan-Tuan dan Puan-Puan ke mesyuarat pada hari ini adalah sebagai bukti sokongan dan dukungan ke arah menjayakan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan yang bertujuan bagi mengukuhkan institusi keluarga dan seterusnya bagi mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan harmoni.

Kita perlu memberikan perhatian akan kepentingan institusi keluarga yang merupakan benteng pertahanan utama pada mewujudkan kestabilan dan keselamatan sosial negara. Institusi keluarga juga mempunyai peranan besar ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dalam mewujudkan negara dan rakyat yang mempunyai kualiti hidup yang tinggi. Setiap keluarga dan kelompok keluarga di Negara Brunei Darussalam perlu mempunyai visi dan matlamat untuk mewujudkan masyarakat dan bangsa yang terbaik dan mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi di dunia.

Ini kerana segala-galanya bermula daripada unit dan kelompok keluarga sama ada di rumah, kampung dan mukim. Pendidikan, disiplin diri, kehidupan yang beradat budaya dan bertatasusila, keharmonian, pengisian kerohanian, kebersihan, perpaduan, sifat pemedulian dan penjagaan keselamatan dan kesejahteraan dan pemeliharaan alam sekitar semuanya berputik dan bermula daripada institusi keluarga dan hubungan kekeluargaan.

Melalui intitusi keluarga kita dapat memperkasa anggota masyarakat untuk menyumbang secara positif dan berkesan kepada pembangunan bangsa dan negara. Melalui institusi keluarga juga kita dapat melahirkan generasi dan tenaga kerja yang berilmu pengetahuan dan mempunyai minda kelas pertama. Di samping mempunyai integriti dan ciri-ciri keperibadian yang terpuji. Maka di sinilah peranan Sambutan Hari Keluarga adalah merupakan sebagai platform ke arah mengangkat peranan institusi keluarga untuk memperkasa isi keluarga dan anggota masyarakat di pelbagai bidang. Kerapuhan dan runtuhnya institusi keluarga adalah merupakan punca kelemahan dan timbulnya pelbagai gejala sosial dalam masyarakat.

Menyedari akan hakikat ini, maka



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa berucap pada Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan pada hari Sabtu, 11 April 2015 di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

sebagai kesinambungan daripada Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan yang telah diadakan pada tahun-tahun sebelumnya, kita mahu dan ingin melihat Hari Keluarga ini disambut dan dapat dirasakan secara meluas di seluruh pelusuk kampung dan mukim di Negara Brunei Darussalam. Melalui Sambutan Hari Keluarga kita dapat memupuk semangat dan mengukuhkan ikatan sosial (*social fabric*) dalam mana adalah tanggungjawab setiap unit dan kelompok keluarga untuk memastikan kestabilan, keamanan, keselamatan kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Oleh yang demikian, semangat dan roh Hari Keluarga perlu kita bawa, laratkan dan sampai kepada setiap anggota masyarakat di mana terdapatnya unit-unit dan kelompok keluarga. Sehubungan dengan ini, semangat menganjurkan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan perlu sentiasa marak dan penuh komitmen bukannya luntur dan menurun.

Negara Brunei Darussalam insyaaAllah pada tahun ini akan mengadakan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan secara serentak di seluruh negara melalui zon-zon yang telah ditetapkan. Sepertimana yang telah ditetapkan sejak acara ini diadakan pada tahun 2012 dalam mana Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan akan diadakan pada hari Ahad pertama bulan Mei setiap tahun, maka pada tahun ini sambutan akan diadakan pada hari Ahad, 3 Mei 2015. Sehubungan dengan ini, sebagai strategi dan pendekatan dalam penganjuran atau pelaksanaan Hari Keluarga setiap tahun, kita hendaklah memberikan kesempatan secara bergilir ke kawasan mukim

dan kampung di seluruh negara bagi mengadakan perhimpunan dan sambutan.

Sebagai pendekatan sambutan yang dapat memberikan impak, di samping tema besar sambutan perlu juga ada tema-tema kecil yang menjadi fokus dan penekanan di zon-zon yang mengadakan perhimpunan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan. Tema-tema kecil itu nanti akan merangkumi isu-isu yang merupakan sebagai agenda sosial dan nasional yang perlu ditangani.

Oleh itu, saya sukacita mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen sepenuhnya dan turut menjayakan apa jua acara sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan pada tahun lepas. Mudah-mudahan usaha yang sedemikian itu akan dapat diteruskan malah dikembangkan lagi pada tahun ini demi mencapai matlamat sambutan.

Menyentuh mengenai merujuk kepada beberapa isu kekeluargaan di negara ini, sukacita saya perkara yang berbangkit baru-baru ini terutama yang berkaitan dengan perubahan minda setiap warga di negara ini. Dalam hubungan ini, saya sukacita merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-11 Majlis Mesyuarat Negara 2015 pada 5 Mac 2015 yang lalu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menekankan bahawa usaha untuk merubah *mindset* rakyat negara ini daripada suka bergantung kepada bantuan kepada semangat berdikari dan berusaha sendiri adalah satu keutamaan yang perlu dipertingkatkan.

Dalam pada itu, perkara yang turut disentuh oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam titah baginda tersebut ialah yang berkaitan dengan pengurusan kewangan bukan saja di peringkat negara, tetapi juga pengurusan perbelanjaan di peringkat individu dan keluarga.

Keupayaan keluarga dan individu untuk jimat perbelanjaan dan menabung untuk keperluan hari tua adalah amalan penting yang perlu dipupuk di setiap individu dan setiap ketua keluarga demi untuk memelihara kesejahteraan keluarga masing-masing dan juga bagi mengelakkan mereka daripada terjatuh kepada golongan mereka yang memerlukan bantuan.

Oleh yang demikian, sempena dengan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan pada tahun ini saya mengharapkan agar apa jua aktiviti atau program yang diatitkan perlulah mengambil kira dan memberikan fokus dalam memupuk kesedaran rakyat ke arah perubahan *mindset* kepada semangat berdikari dan berusaha sendiri.

Ke muka 4

Dari Sidang
Pengarang.

18 APRIL 2015 BERSAMAAN 1436 جُمَادَى الْآخِرَةِ 28

PELIHARA DAN PERTAHANKAN BUDAYA ETNIK MELAYU BRUNEI

KEBUDAYAAN Melayu Brunei sememangnya bertapak kukuh di bumi Darussalam sejak berkurun-kurun lamanya. Kesultanan, adat istiadat, adat resam, kehidupan beragama dan berbahasa Melayu merupakan sebahagian manifestasi warisan budaya yang masih kekal hingga ke hari ini. Di samping itu, setiap tujuh puak etnik yang terdapat di Negara Brunei Darussalam memiliki nilai budaya mereka masing-masing, yang merujuk kepada darjat, kualiti, mutu dan taraf cara hidup bagi keberlangsungan kehidupan mereka.

Walaupun dunia sekarang berdepan cabaran pemodenan namun warisan budaya dan tradisi perlulah dijaga dan dipelihara, di samping mengamalkan dan menghayati pegangan agama Islam selaras dengan falsafah negara, Melayu Islam Beraja (MIB), yang merupakan satu landasan atau garis panduan agar tidak terkeluar dan tidak melimpasi sempadan budaya sendiri.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Pusat Sejarah Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka serta Jabatan Muzium-Muzium telah menganjurkan Festival Kebudayaan: Adat Resam Etnik Melayu Di Brunei Darussalam, yang bertujuan untuk memperkenalkan kepada masyarakat keunikan upacara atau majlis adat resam tujuh etnik di Brunei, di samping meningkatkan kesefahaman melalui interaksi budaya dan seni.

Pada majlis berkenaan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menekankan bahawa adat dan budaya bangsa sesebuah negara adalah cerminan nilai peradaban tinggi dan identiti tersendiri yang perlu dikekalkan sebagai warisan bangsa yang merdeka dan berdaulat agar dihormati dan disegani dunia.

Yang Berhormat semasa berucap pada majlis perasmian di ruang legar, Airport Mall menjelaskan bahawa usul menunjukkan asal di mana budaya berperanan menggambarkan keperibadian dan budi pekerti orang-orang Brunei. Ia bukan sahaja dilihat daripada aspek ekspresif malahan simbol budaya yang melaluinya, jiwa nurani bangsa Brunei yang berpegang teguh kepada konsep MIB dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara difahami.

Di samping itu, keupayaan bangsa Brunei mempertahankan dan menghayati warisan budaya dalam kehidupan juga mempamerkan akan kekuatan jati diri bangsa Brunei yang mempunyai daya tahan dan moral yang teguh.

Di dalam dunia yang berlumba-lumba mengejar modenisasi dan globalisasi, jelas Yang Berhormat, amalan-amalan budaya tradisi yang mengandungi nilai-nilai murni seperti budaya makan tahun, memucang-mucang, bediandangan, betamaruk dan sebagainya sudah hampir dilupakan dan tidak lagi dipraktikkan oleh masyarakat kita.

Jelasnya lagi, perkara ini dikuatiri akan membuatkan budaya bangsa hanya ada dalam rekod dalam dokumen-dokumen sejarah dan arkib serta pita-pita rakaman.

Beliau juga menyarankan agar kita mempertahankan dan mengekalkan budaya yang diwarisi melalui pendedahan dan memberikan kefahaman kepada masyarakat umum khususnya generasi muda agar ia tidak pupus dan terhakis oleh pengaruh-pengaruh budaya popular yang semakin meresap di era globalisasi.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, penambahan nilai dan pengaruh positif yang memberikan nilai tambah dan memperkaya kesempurnaan budaya tidak semestinya ditolak begitu sahaja.

Festival yang berlangsung selama lima hari sehingga 18 April turut dimuatkan dengan persembahan adat resam etnik dan pameran, di samping sesi Bicara Budaya, yang mengetengahkan para panel etnik dan akademik bagi membincangkan serta memperjelaskan tentang kepentingan adat resam atau adat dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Menerusi perbincangan tersebut diharap akan mengukuhkan lagi penyelidikan serta dapatan yang akan menambah maklumat tentang adat resam etnik Melayu Brunei. Dengan adanya festival seumpama ini dapat mengetengahkan lagi adat resam setiap etnik kepada masyarakat khususnya kepada generasi muda agar mereka lebih mengenali kebudayaan setiap puak. - **Ketua Penyuntingan (Md)**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuriahah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
32 °C	25 °C	32 °C
MUARA		
33 °C	26 °C	34 °C
PEKAN BANGAR		
32 °C	25 °C	32 °C
PEKAN TUTONG		
32 °C	25 °C	32 °C
PEKAN SERIA		
32 °C	25 °C	33 °C
KUALA BELAIT		
33 °C	25 °C	32 °C
Walaupun Bissuab		
Sumber: JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN PENGHUBUNGAN Telefon: Talian Cuaca 114		

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Berangkat saksikan Kejohanan Renang Peringkat Umur Brunei

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Kolam Renang Kebangsaan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, bagi menyaksikan Kejohanan Renang Peringkat Umur Brunei Ke-23 dijunjung oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Ahli-ahli Persatuan Renang Amatir Brunei (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan menerima penerangan ringkas mengenai kejohanan itu. Juga berangkat ialah paduka-paduka anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel yang berkenan menyertai kejohanan bagi Kategori 9 Tahun, puteri baginda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berangkat menyaksikan kejohanan itu. Juga berangkat ialah anakanda-anakanda DYT, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dan anakanda-anakanda DYT berangkat menyaksikan Kejohanan Renang Peringkat Umur Brunei Ke-23.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menyertai kejohanan bagi Kategori 9 Tahun (atas). Sementara gambar kiri, cucunda baginda Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Haseeb bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim juga menyertai kejohanan tersebut.



YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim yang mewakili Pasukan Sekolah Antarabangsa Brunei (International School Brunei - ISB) Hammerheads menyertai empat acara berasingan bagi Kategori Umur 8 - 9 Tahun dalam acara Gaya Bebas 50m, Kuak Dada 50m, Kuak Kupu-Kupu 100m dan Kuak Lentang 100m dan telah berjaya mencatat rekod kejohanan.

Istiadat Berjaga-Jaga berakhir

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa 14 April. - Majlis Istiadat Berjaga-Jaga sempena Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah berakhir malam tersebut selepas diadakan selama sembilan malam berturut-turut.

Majlis yang diadakan di Istana Nurul Iman dilangsungkan di hadapan majlis Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Berangkat dan hadir pada majlis malam tadi ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan,

Pehin-Pehin Manteri, Manteri-Manteri Hulubalang dan Manteri-Manteri Pendalaman, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan.

Majlis turut diserikan dengan persembahan dikir oleh rombongan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang dikepalai oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin dan persembahan syair oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

Doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sementara itu, di ruang lain Istana Nurul Iman, Majlis Istiadat Berjaga-Jaga bagi kaum wanita juga diadakan dan dihadiri oleh isteri-isteri YAM Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri, Manteri-Manteri Hulubalang dan Manteri-Manteri Pendalaman, Ahli-Ahli MMN, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan isteri-isteri ketua-ketua jabatan.



YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar semasa Majlis Istiadat Berjaga-Jaga sempena Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja.

YAM Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri, Manteri-Manteri Hulubalang dan Manteri-Manteri Pendalaman, Ahli-Ahli MMN, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap

dan isteri-isteri ketua-ketua jabatan.

Pada lazimnya, Majlis Istiadat Berjaga-Jaga diadakan setelah sepenuhnya Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga dilaksanakan, yang mana pada masa itu juga pemasangan perhiasan yang digunakan oleh istiadat itu mula dipasang di Pemajangan serta di tempat yang ditentukan.



RUANG lain Istana Nurul Iman, Majlis Istiadat Berjaga-Jaga bagi kaum wanita juga diadakan dan dihadiri oleh isteri-isteri YAM Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri, Manteri-Manteri Hulubalang dan Manteri-Manteri Pendalaman, Ahli-Ahli MMN, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan isteri-isteri ketua-ketua jabatan.

HALUAN

Tanamkan semangat berdikari dan berusaha sendiri

Dari muka 2

Usaha yang berkaitan ke arah meningkatkan kesedaran awam mengenai penjimatan perbelanjaan dan menabung juga perlu diberikan perhatian bersama. Ini kerana masyarakat yang bijak berbelanja dan sedar akan keperluan untuk menyediakan kewangan untuk masa depan seperti keperluan perumahan, perbelanjaan anak-anak bersekolah, dan sebagainya akan dapat menghindarkan mereka daripada jatuh ke dalam kepompong kemiskinan dan pergantungan kepada bantuan.

Begitu juga dengan acara-acara yang diadakan, hendaklah juga menyelitkan mesej-mesej yang menjurus kepada pencegahan masalah sosial dan jenayah seperti penyalahgunaan dadah, curi dan sebagainya yang boleh menggugat keamanan dan keselamatan negara. Perkara ini adalah selaras dengan titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31.

Oleh itu, sempena mesyuarat pada hari ini, saya mengalu-alukan

para ahli untuk memberikan pandangan dan pendapat terutama bagi memperbaiki dan memberikan nilai tambah kepada perisian dan program Sambutan Hari Keluarga yang telah diadakan sebelum ini. Beberapa pandangan dan pendapat daripada orang ramai berkaitan dengan sambutan ini juga boleh diambil perhatian dan pertimbangan kita semua.

Sebagaimana sebelumnya, bagi menjayakan sambutan pada tahun ini saya juga mengharapkan agar semua pihak sama ada dari agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan dan persatuan-persatuan, majlis-majlis perundangan mukim dan kampung akan terus memberikan komitmen serta kerjasama yang bersepadu terutama pada menggerakkan acara-acara sambutan sama ada di peringkat bahagian, daerah atau mukim dan kampung masing-masing.

Untuk itu, bagi agenda seterusnya dan kelangsungan mesyuarat saya mempersilakan pihak urusetia untuk menyampaikan kertas cadangan format Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Tahun 2015 sebelum sesi perbincangan dibuka.

Terima kasih.

Alat-Alat Perhiasan Diraja di Balai Pemajangan diturunkan



ALAT-ALAT Perhiasan Diraja diturunkan dari Balai Pemajangan, Istana Nurul Iman sejurus selesainya Istiadat Menutup Gendang Jaga-Jaga di Istana Nurul Iman.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Penurunan Alat-alat Perhiasan Diraja di Balai Pemajangan, Istana Nurul Iman sempena Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah dilaksanakan sejurus selesainya Istiadat Menutup Gendang Jaga-Jaga di Istana Nurul Iman, di sini.

Perhiasan yang digunakan untuk istiadat itu mula diturunkan di Pemajangan dan di tempat yang ditentukan, dan segala peralatan Gendang Jaga-Jaga telah diangkat di satu tempat khas yang dipanggil 'Balai Pemajangan' yang diletakkan di hadapan Istana Nurul Iman.

Alat-Alat Perhiasan Diraja mula diturunkan di kedua-dua Pemajangan, sebaik sahaja dilepaskan tembakan meriam 21 das dalam Istiadat Menutup Gendang Jaga-Jaga.

Antara Alat-Alat Perhiasan Diraja yang dipasang termasuk Tunggul Charok, Sandaran, Ula-Ula Besar dan Sumbu Layang, Payong Haram, Payong Obor-Obor Tiga Ringkat, Chogan Diraja, Chogan Ugama, Lambang Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Panji-Panji, Mahligai, Payong Tinggi, Alam Bernaga, Pisang-Pisang, Tunggul Buritan, Payong Obor-Obor, Ambal, Tunggul Kawan, Dadap, Rawai Lidah dan Sapu-Sapu Ayeng.

Peralatan indah dan berwarna-warni tersebut adalah di antara khazanah tertua dan berharga di Nusantara atau alam Melayu, sementara Alat-Alat Perhiasan Diraja adalah lambang kemegahan Negara Brunei Darussalam dan rakyatnya yang diwarisi sejak zaman Sultan Brunei Pertama, Sultan Mohammad Shah dan Sultan Brunei Ketiga, Sultan Sharif Ali.

Alat-Alat Perhiasan Diraja biasanya dipasang dalam istiadat-istiadat Perkahwinan Diraja, Perpuspaan dan Perarakan Diraja.

Balai Pemajangan adalah salah satu Perhiasan Diraja diperbuat daripada kain putih dijadikan atap kepada tempat yang dikhaskan untuk perhiasan dalam kenaikan atau pada perhiasan di peraluan sesuatu istiadat dan di kelilingnya dihiasi dengan Rawai Lidah.

Balai Pemajangan ini diletakkan di hadapan Istana Nurul Iman sepanjang Istiadat Berjaga-Jaga selama sembilan hari sempena Istiadat Perkahwinan Diraja.

Dunia hadapi ancaman keselamatan makanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 April. - ‘Makanan Yang Selamat’ atau ‘Safe Food’ dipilih sebagai tema sambutan Sempena Hari Kesihatan Sedunia 2015.

Sehubungan itu, Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan tidak ketinggalan dalam sama-sama menyambut Hari Kesihatan Sedunia 2015 dengan mengadakan Majlis Forum, bertempat di Dewan Al-'Afiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.



KETUA Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail, selaku Pengerusi Majlis ketika memberikan ucapan alu-aluan.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Sulaiman, Nur Faizzah Nawang
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Dalam ucapannya pada majlis tersebut, Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail, selaku Pengerusi Majlis berkata, pada setiap tahun, Hari Kesihatan Sedunia disambut pada tarikh 7 April untuk menarik perhatian dunia terhadap isu kesihatan semasa yang difikirkan penting kepada masyarakat global.

Pada perutusan sempena Hari Kesihatan Sedunia 2015 yang telah dikeluarkan pada 7 April 2015 lalu jelasnya, isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan makanan di Negara Brunei Darussalam bukan saja dipertanggungjawabkan semata-mata kepada pihak kerajaan, malahan memerlukan komitmen multisektor yang berkaitan seperti pengeluaran, pengimport penyedia dan penjual makanan bagi memperkatakan lagi pengawalan kualiti dan keselamatan makanan yang terjamin di negara ini.

Tambahan, pada masa sekarang keselamatan makanan berdepan dengan banyak ancaman yang baru seperti perubahan-perubahan dalam teknologi pengeluaran makanan, perubahan iklim serta peningkatan perdagangan global.

Kesemua isu ini, jelasnya, memberikan cabaran kepada sistem keselamatan makanan kebangsaan dan menekankan bagi keperluan untuk

menguatkan sistem keselamatan makanan.

Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah menambah, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan sentiasa memantau secara berterusan bagi memastikan status kebersihan dan keselamatan makanan di negara ini ke arah menjamin dan melindungi kesihatan awam mengikut perundangan serta amalan terbaik dan piawaian antarabangsa.

Forum Sempena Hari Kesihatan Sedunia ini diadakan bagi meningkatkan kesedaran kepada orang awam akan pentingnya keselamatan makanan serta peranan masing-masing dalam memastikan setiap orang boleh merasa yakin bahawa makanan mereka selamat untuk dimakan.

Empat ahli panel yang menjayakan forum terdiri daripada Pegawai Kesihatan Awam Kanan, Dayang Mahani binti Haji Muhammad dengan topikna ‘Memastikan Keselamatan Produk Makanan Yang Dicemari Bahan Terkawal’; Ahli Kimia Ubat Kanan, Dayang Hasmilawaty binti Haji Md. Taib membincangkan ‘Produk Makanan Yang Dicemari Bahan Terkawal’; Pemangku Pakar Perubatan, Dr. Haji Zulhilmi bin Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah mengetengahkan topik ‘Bahaya Kesihatan Daripada Makanan’,



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof ketika hadir pada Majlis Forum sempena Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2015, bertempat di Dewan Al-'Afiah.

sementara Pegawai Pelajaran/ Ketua Guru Ugama Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Haji Md. Idris bin Haji Abd. Rashid membincangkan topikna ‘Makanan Yang Selamat Dari Perspektif Islam’.

Forum dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Perkhidmatan Saintifik, Dayang Hajah Zainon binti Haji Md. Taha.

Sempena forum berkenaan, pameran mengenai ‘Makanan Yang Selamat’ juga diadakan.

Pihak Kementerian Kesihatan

akan melartatkan majlis forum tersebut ke daerah-daerah lain pada hari dan waktu yang akan ditetapkan kemudian.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua pengarah, pengarah-pengarah berserta dengan pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Kesihatan.

Keselamatan makanan diberi keutamaan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 April. - Matlamat keselamatan makanan adalah bagi memastikan kesihatan awam terlindung daripada risiko mendapat penyakit bawaan makanan kerana makanan yang selamat boleh memastikan kesihatan rakyat.

Antara penyakit berkaitan dengan

keselamatan makanan itu termasuk cirit-birit, penyakit virus, masalah kehamilan dan perkembangan minda kanak-kanak dan kanser.

Pemangku Pakar Perubatan Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulhilmi bin Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah menjelaskan



FORUM sempena Hari Kesihatan Sedunia 2015 dengan topik 'Bahaya Kesihatan Daripada Makanan' disampaikan oleh ahli panel forum yang terdiri daripada Pemangku Pakar Perubatan Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulhilmi bin Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah dan Pegawai Kesihatan Awam Kanan, Dayang Mahani binti Haji Muhammad.

perkara tersebut semasa forum sempena Hari Kesihatan Sedunia 2015 dengan topiknya 'Bahaya Kesihatan Daripada Makanan'.

Forum yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan di sini dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Menurut Dr. Haji Zulhilmi penyebab makanan tercemar itu ialah daripada bawaan bakteria, virus, parasit, prions dan bahan kimia yang mana lebih 200 penyakit boleh terjadi daripada penyakit cirit-birit ke kanser.

Beliau seterusnya berkata, pada tahun 2010, terdapat 582 juta kes penyakit bawaan makanan yang terdiri daripada 22 jenis penyakit dengan 351,000 kematian.

Tiga punca utama, jelasnya ialah, Salmonella typhi, enteropathogenic Ecoli dan Norovirus di mana beban penyakit paling tinggi ialah di kawasan Afrika dan seterusnya Asia Tenggara. Menyentuh situasi di Negara Brunei

Darussalam pula, Dr. Haji Zulhilmi menyatakan, bahawa statistik dari Bahagian Kawalan Penyakit menunjukkan bahawa kes *gastroenteritis* adalah pada tahap minima dan wabak keracunan makanan berlaku berkala-kala.

Pada tahun 2014, tambahnya, sebahagian besar daripada kejadian keracunan makanan yang dilaporkan terjadi di sekolah-sekolah.

Dr. Haji Zulhilmi seterusnya berkata, tanda-tanda jangkitan adalah demam panas, sakit kepala, loya, muntah, sakit perut dan cirit-birit yang mana kebanyakannya boleh pulih dengan sendirinya.

"Ada juga yang teruk dan mengakibatkan kekurangan air yang merbahaya dan boleh menyebabkan kematian," ujarnya.

Sementara itu, Pegawai Kesihatan Awam Kanan, Dayang Mahani binti Haji Muhammad pula menjelaskan ada beberapa kunci dalam penjagaan keselamatan makanan iaitu membasuh tangan sebelum dan selepas menyediakan makanan serta apabila keluar dari tandas dan cuci bersih

peralatan yang digunakan untuk menyediakan makanan.

Selain itu beliau juga menyarankan supaya menggunakan perkakas dapur yang berasingan untuk menyediakan makanan mentah, mengasingkan makanan yang telah dimasak serta menyimpannya dalam bekas untuk mengelakkan makanan mentah bersentuhan dengan makanan yang telah dimasak.

"Makanan hendaklah dimasak dengan sempurna dan suhu didih bagi makanan bersup dan rebus hendaklah mencapai 70 Celsius," tegasnya.

Makanan juga katanya, tidak boleh dibiarkan lebih dua jam pada suhu bilik dan seterusnya menyarankan agar menyimpan makanan yang telah dimasak dan cepat masak di dalam peti sejuk dengan mengekalkan suhu makanan yang telah dimasak lebih daripada 60 Celsius sebelum dihidangkan.

"Gunakan air yang bersih atau yang telah dirawat agar ianya selamat untuk digunakan dan pilih bahan makanan mentah yang segar dan selamat untuk dimakan," tambahnya.

Air kemerah-merahan di perairan Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Hasil daripada pemantauan dan analisis makmal yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan kelmarin mendapati fenomena air kemerah-merahan kini telah merebak ke kawasan luar Pantai Jerudong, Berakas dan kawasan sempadan perairan antara Brunei dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sementara itu, Jabatan Kesihatan Labuan, Malaysia melalui siaran media Bernama News bertarikh 13 April 2015 memaklumkan bahawa sebanyak dua kes keracunan kerang-kerangan paralitik (PSP) telah dilaporkan sejak awal bulan ini.

Berikutan peningkatan kawasan yang terjejas di perairan Brunei dan laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Labuan, orang ramai terutama sekali nelayan-nelayan adalah dinasihatkan untuk tidak menangkap ikan dan mengutip ikan-ikan yang didapati mati di kawasan perairan yang terjejas.

Sebagai langkah berjaga-jaga orang ramai adalah diingatkan untuk membuang semua insang, perut dan organ-organ dalaman ikan sebelum dimasak.

Ikan-ikan kecil yang tidak dapat dibuang insang, perut dan organ-organ dalaman serta kerang-kerangan dan ikan dari kawasan yang terjejas atau tidak diketahui tempat asalnya adalah dinasihatkan untuk tidak memakannya.

Sehubungan itu, Jabatan Perikanan sentiasa membuat kerja-kerja pemantauan kejadian air kemerah-merahan dan akan memaklumkan kepada orang ramai tentang keadaan terkini dari semasa ke semasa.

Orang ramai, terutama nelayan-nelayan boleh membantu Jabatan Perikanan dengan melaporkan sebarang kejadian perubahan warna air dan jika menjumpai ikan-ikan mati dalam jumlah yang banyak di kawasan perairan dan pantai-pantai hendaklah menghubungi talian 2770066 semasa waktu bekerja, 7297771 (Hotline Jabatan Perikanan), 8878833 dan 8614867.

Perasmian Jejambat Persimpangan Lebuhraya Tutong - Telisai

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Selasa, 14 April. - Satu lagi projek pembinaan sebuah jejambat yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Jalan Raya (JJR), Jabatan Kerja Raya (JKR) telah pun siap dilaksanakan dan mula dibukakan untuk kegunaan lalu lintas.

Pembukaan rasmi jejambat di Persimpangan Lebuhraya Tutong - Telisai / Jalan Perumahan Bukit Beruang berkenaan disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dan diikuti dengan penerangan ringkas mengenai projek yang disampaikan oleh Pengarah Jalan Raya, JKR, Yee Kok On.

Majlis diteruskan dengan pembukaan rasmi jejambat tersebut yang disempurnakan oleh tetamu kehormat dengan diikuti dengan bacaan doa selamat.

Projek pembinaan jejambat berkenaan merupakan salah satu projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN10) yang mula dibina pada bulan April 2013 melalui penglibatan pemborong tempatan iaitu Surati Construction Sendirian Berhad dengan menelan belanja kira-kira BND18 juta.

Pembinaan jejambat dihasratkan untuk menampung pertumbuhan jumlah lalu lintas disebabkan kepesatan pembangunan Skim Perumahan Bukit Beruang dan juga institusi pendidikan di kawasan

berkenaan, di samping meningkatkan mutu keselamatan para pengguna jalan raya serta memperkemaskan lagi sistem rangkaian Lebuhraya Tutong - Telisai dengan lebih teratur.

Projek ini juga telah menyediakan laluan keluar / masuk yang lebih selesa dan selamat menuju ke kawasan perumahan negara dan institusi yang ada di kawasan tersebut, selain menyediakan laluan jalan susur untuk berpatah balik bagi menggantikan laluan 'U-Turn' di lebuhraya berkenaan.

Menurut perancangan JJR, JKR, setakat ini sejumlah lima buah jejambat telah pun dikenal pasti untuk dilaksanakan di sepanjang Lebuhraya Tutong - Telisai iaitu bagi Daerah Tutong untuk masa hadapan.

Dalam pada itu, JJR juga akan meneliti keperluan untuk menyediakan beberapa buah jejambat bagi mengikut perancangan semasa pelan guna tanah di sepanjang kawasan lebuhraya tersebut untuk masa hadapan.

Antara beberapa persimpangan utama di sepanjang Lebuhraya Tutong - Telisai yang dikenal pasti untuk dinaik taraf termasuklah laluan menuju ke rancangan tapak industri Bukit Panggal, Jalan Sungai Basong, Jalan Sengkarai, Jalan Bukit Udal dan Jalan Tanjong Maya.

Projek tersebut adalah sebagai kesinambungan usaha Kementerian Pembangunan untuk meningkatkan mutu keselamatan dan keselesaan para pengguna jalan raya khususnya yang sering menggunakan lebuhraya tersebut.

Di samping itu, ia juga



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa merasmikan jejambat di Persimpangan Lebuhraya Tutong - Telisai / Jalan Perumahan Bukit Beruang.

dihasratkan untuk membuka peluang perkembangan aktiviti sosioekonomi, di sepanjang kawasan Lebuhraya tersebut serta melancarkan pergerakan lalu lintas bagi mempercepatkan lagi perjalanan lalu lintas.

Dengan pembukaan jejambat ini, JKR sukacita mengingatkan kepada orang ramai terutama para pengguna jalan raya supaya memandu dengan berhati-hati serta mengikut papan tanda yang disediakan demi memastikan keselamatan semua pengguna jalan raya yang lain.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan semasa ditemui sejez selepas perasmian jejambat tersebut menjelaskan projek tersebut bertujuan bagi memudahkan penduduk di RPN Bukit Beruang untuk keluar dari kawasan mereka, memandangkan jangkaan terdapat perubahan kawasan dan pertambahan penduduk di RPN berkenaan dan ia juga merupakan salah satu usaha bagi memberikan kemudahan kepada para penduduk di kawasan itu.

Hadir sama di majlis itu ialah

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit; Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Haji Muhammad

Lutfi bin Abdullah; Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya; ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua divisyen / unit dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



MENTERI Pembangunan mendengarkan penerangan ringkas mengenai projek disampaikan oleh Pengarah Jalan Raya, JKR, Yee Kok On.



JEJAMBAT di Persimpangan Lebuhraya Tutong-Telisai dan Jalan Perumahan Bukit Beruang telah dibuka rasmi oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.



PEMANDANGAN keadaan Lebuhraya Tutong-Telisai dari jejambat yang menghubungkan ke kawasan Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang dan institusi pendidikan yang berdekatan yang telah dibuka rasmi.

Kolokium kongsi ilmu Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin 13 April - Sebanyak 22 kertas kerja telah dibentangkan pada Kolokium Antarabangsa Jejak Warisan Ilmu Islam Brunei Darussalam 2015 yang diadakan di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Kertas-kertas kerja tersebut mencakupi pelbagai isu berkaitan Syariah, Al-Qur'an dan As-Sunnah, isu kontemporari dalam Islam, Bahasa Arab dan Tamadun Islam, akidah dan pemikiran Islam yang dibentangkan oleh tenaga akademik UNISSA dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta pelajar-pelajar pasca-ijazah di kedua-dua buah institusi tersebut.

Kolokium yang bertemakan 'Perkongsiannya Ilmu Islam' ini dihasratkan untuk menjalin hubungan strategik dan perkongsian pintar antara UKM dan UNISSA, mendalami budaya penyelidikan di UNISSA dan budaya masyarakat Muslim di Brunei, di samping melahirkan graduan pengajian Islam yang berilmu pengetahuan, kompetensi dan berdaya saing dalam memenuhi keperluan masyarakat.

Kolokium juga diselenggarakan dengan program Global Touch of UKM dengan pengisian penjualan buku-buku terbitan UNISSA dan UKM sebagai pendedahan kepada orang ramai mengenainya sekali gus mengongsikan maklumat mengenai kelebihan UKM sebagai salah satu universiti penyelidikan dan merupakan universiti yang tertua di Malaysia.

Ia dianjurkan dengan kerjasama Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan, UNISSA dengan Persatuan Pelajar Siswazah Fakulti Pengajian Islam (PPSFPI) dan Persatuan Mahasiswa Fakulti Pengajian Islam (PMFPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Urusetia Program Pengajian Siswazah Fakulti Pengajian Islam (UPPS FPI).

Kolokium berkenaan merupakan salah satu aktiviti Jejak Warisan Ilmu Islam Brunei Darussalam 2015 yang bermula dari 11 hingga 15 April 2015 dengan tujuan untuk mendalami keilmuan penterjemahan, penerbitan dan penyelidikan Islam dalam kalangan mahasiswa pasca ijazahnya, di samping untuk merapatkan ukhuwah sesama Muslim di antara dua negara; Brunei Darussalam dan Malaysia.

Kumpulan Asyabab Bil-Islam juara Pertandingan Hadrah



PEMANGKU Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Azlan bin Pengiran Tengah Omar semasa hadir selaku tetamu kehormat pada pertandingan tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 April. - Kumpulan Asyabab Bil-Islam muncul juara bagi Pertandingan Hadrah anjuran Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang berlangsung di Pentas Perayaan Dermaga Diraja, di ibu negara, di sini.

Naib johan diraih oleh Kumpulan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Belia Masjid Tamoi, sementara Kumpulan Assyabab Bil-Iman pula menduduki tempat ketiga.

Pertandingan tersebut dianjurkan sempena Istiadat Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran

Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah.

Para peserta kumpulan terdiri daripada belia-belia persatuan dan institusi pengajian tinggi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, KKBS, Pengiran Haji Azlan bin Pengiran Tengah Omar.



SEBAHAGIAN daripada kumpulan yang menyertai Pertandingan Hadrah berlangsung di Pentas Perayaan Dermaga Diraja.

Pemilihan Calon Ketua Kampung Pudak 8 Mei 2015

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) memaklumkan kepada Penduduk Kampung Pudak, Mukim Kota Batu, bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan bagi Calon Ketua Kampung Pudak, Mukim Kota Batu, akan diadakan pada hari Jumaat, 8 Mei 2015, bertempat di Masjid Kampung Pudak, Mukim Kota Batu.

Oleh yang demikian, JDBM memohonkan kerjasama dari semua Penduduk Kampung Pudak, Mukim Kota Batu, yang terdiri daripada warganegara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang berumur 18 tahun ke atas dan tinggal bermastautin di Kampung Pudak, Mukim Kota Batu, dan nama-nama mereka yang tersenarai dalam Senarai Daftar Pengundi Penduduk Kampung Pudak, Mukim Kota Batu, supaya akan dapat hadir untuk menghadiri diri pada majlis tersebut pada hari Jumaat, 8 Mei 2015 bermula pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dengan membawa kad pengenalan masing-masing.

Sementara bagi mana-mana penduduk Kampung Pudak, Mukim Kota Batu, yang tidak tersenarai nama-nama mereka di dalam Senarai Daftar Pengundi Penduduk Kampung Pudak, Mukim Kota Batu, hendaklah terlebih dahulu mendaftarkan nama-nama mereka kepada Pemangku Ketua Kampung Pudak, Mukim Kota Batu iaitu Awang Shahari bin Haji Durahim beralamat No. 32-E, Kampung Pudak, Mukim Kota Batu, atau di Bahagian Institut Mukim dan Kampung, JDBM mulai tarikh pendaftaran dibuka.

Pendaftaran bagi Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung berkenaan dibuka mulai hari Isnin, 13 April 2015 hingga hari Jumaat, 8 Mei 2015 iaitu semasa Majlis Pemilihan dan Pengundian Calon Ketua tersebut diadakan nanti.

Pendaftaran Kursus Pendek Jahitan dan Kraf Tangan kini dibuka

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Bahagian Pendidikan Komuniti / Lanjutan Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa Kursus Pendek kini dibukakan kepada orang ramai yang berminat.

Antara kursus-kursus yang ditawarkan iaitu Kursus Jahitan dan Kraf Tangan seperti Baju Kurung, Baju Cara Melayu, Langsir, Sarung Kerusi, Telekung, Anyaman Lapik Meja dari Manik, Sarung Tilam dan Bantal dan Kraf Tangan dari kain kapas / flanel.

Bagi pertanyaan lebih lanjut mengenai Kursus Jahitan dan Kraf Tangan bolehlah menghubungi Dayang Alyani binti Haji Simail melalui talian telefon 2422493 sambungan 216.

Orang ramai yang berminat bolehlah mengambil borang dan membuat pembayaran semasa waktu hari bekerja tidak lewat 30 April 2015.

Pendaftaran Kursus Sistem Komputer dibukakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Bahagian Pendidikan Komuniti / Lanjutan Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan membukakan pendaftaran bagi Kursus Jangka Pendek bagi Sistem Komputer dan Aplikasi 1 kepada orang ramai yang berminat.

Kursus ini memberikan penekanan kepada asas aplikasi utama yang sering digunakan dalam Microsoft Office iaitu Microsoft Word, Microsoft Powerpoint, Microsoft Excel dan Microsoft Access.

Selain itu, ia juga membolehkan para peserta mahir dalam penghasilan dan rekaan dokumen dalam kadar keberkesanan yang tinggi.

Kelas tersebut akan dibukakan pada bulan Mei 2015, bertempat di Bahagian Pendidikan Komuniti.

Jangka masa kursus ialah 20 jam dengan pendaftaran kursus sebanyak BND100 bagi warganegara / penduduk tetap dan BND150 bagi bukan warganegara.

Maklumat lanjut mengenainya bolehlah menghubungi Awang Haji Md. Farizul bin Haji Sajali melalui talian 2422493 sambungan 219.

YSHHB bantu warga emas kurang berkemampuan



AHLI Lembaga Pengarah YSHHB, Haji Awang Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman menyerahkan sumbangan kepada wakil Awang Afandi bin Ibrahim (kiri). Sementara gambar kanan, Haji Awang Mohammad Hanafi menyerahkan sumbangan kepada wakil Dayang Halimah binti Abdullah.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Hamzah Mohiddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 April. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) melalui Jawatankuasa Kerja Projek Amal Memeduli Warga Emas dan Keluarga Yang Memerlukan Bantuan (PAWEK), Jawatankuasa Sukarelawan mengadakan kerja kemasyarakatan dengan membantu tiga orang warga emas yang kurang berkemampuan serta memerlukan bantuan.

Bantuan tersebut adalah selaras dengan hasrat penubuhan YSHHB ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda yang lain iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda, di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Bantuan tersebut diserahkan oleh Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Haji Awang Mohammad Hanafi bin Pehin

Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman yang juga selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Mula-mula menerima bantuan ialah Dayang Halimah binti Abdullah, 71 tahun yang menetap di Kampung Perpindahan Mentiri bersama suami yang berusia 80 tahun.

Dayang Halimah bersama suami menyara kehidupan mereka dengan menerima elaun pencen tua sebanyak BND250 sebulan setiap seorang selain Dayang Halimah juga menerima elaun sara hidup sebanyak BND200 dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Dayang Halimah menghidap penyakit *stroke* sejak tiga tahun lalu dan memerlukan beberapa keperluan khas bagi meneruskan kehidupan dengan lebih selesa dan sempurna.

Melalui bantuan tersebut, YSHHB menyampaikan sumbangan berupa sebuah tilam angin (*ripple mattress*) iaitu sebuah tilam khas yang sesuai digunakan bagi pesakit yang berbaring terlalu lama; sebuah kerusi roda; 50 kotak kain pakai buang; 45 tin susu 'Enercal Plus' dan makanan asasi.

Turut menerima bantuan ialah Awang Arsad bin Haji Besar yang tinggal bersama lima orang anaknya

tinggal di STKRJ Kampung Lambak Kiri yang kesemuanya belum berumah tangga serta tidak mempunyai sebarang pekerjaan malah seorang daripadanya berkeadaan lumpuh.

Beliau dan keluarganya menyara kehidupan dengan hanya menerima elaun pencen tua sebanyak BND250 sebulan.

Sementara itu, Awang Afandi bin Ibrahim, 54 tahun dari Perumahan Kampung Rimba yang juga mempunyai lima orang anak kesemuanya belum berumah tangga dan hanya seorang daripadanya mempunyai pekerjaan turut menerima bantuan.

Awang Afandi yang menghidap penyakit *stroke* menyebabkan seluruh anggota sebelah kiri badannya lemah tidak menerima sebarang bantuan kewangan dari mana-mana pihak dan hanya mengharapkan pendapatan daripada salah seorang anaknya yang telah bekerja.

Awang Afandi menerima bantuan berupa 45 tin susu (Enercal Plus) dan 30 kotak lampin pakai buang untuk keperluan dalam meringankan beban selepas beliau hanya meminum susu Enercal Plus dengan menggunakan tiub 'PEG' sebagai makanan hariannya.

Sektor pengangkutan sokong ekonomi negara

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

MUARA, Rabu, 15 April. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar berkata bahawa sektor pengangkutan memainkan peranan penting bagi menyokong peningkatan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat menyatakan perkara tersebut pada Majlis Menyambut Ketibaan Pelayaran Sulung Kapal MV MTT Muara yang berlangsung di Terminal Kontena Muara, Pelabuhan Muara, di sini.

Menurut Yang Berhormat, untuk mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Wawasan 2035, matlamat strategik Kementerian Perhubungan

adalah bukan sahaja sebagai industri sokongan kepada industri lain, tetapi untuk menjadikannya sebagai industri yang berdaya maju, dinamik dan berkembang dengan sendirinya, menyumbang kepada peningkatan bahagian daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Yang Berhormat menjelaskan, ia boleh dicapai dengan mewujudkan satu aktiviti *hub* mampan dalam semua mod pengangkutan dan komunikasi yang selaras dengan pelan jangka panjang dan misi Kementerian Perhubungan untuk pelabuhan Muara, yang berpaksikan kepada enam teras strategik, iaitu Pengkorporatan (Corporatisation) dan Penswastaan (Privatisation), Penyertaan dan

Facilitasi Sektor Swasta, Pembangunan Infrastruktur, Peningkatan Operasi, HRD dan Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar.

Jelas Yang Berhormat, sektor ini berfungsi sebagai satu komponen yang sangat penting dari perspektif industri logistik yang lebih luas kerana industri ini juga menjadi penyumbang utama kepada KDNK dan dijangka berkembang sekurang-kurangnya kadar sebanyak lima ke enam peratus.

“Kami juga menyedari bahawa perkara ini akan memerlukan strategi ekonomi yang mantap dengan mengurangkan halangan rantaian bekalan untuk berdagang dalam bidang-bidang seperti keperluan akses pasaran (Market Access), pemudahan silang sempadan (Cross Border Facilitation), infrastruktur telekom dan pengangkutan termasuk juga infrastruktur perdagangan seperti penyediaan dan kualiti infrastruktur pengangkutan, dan penyediaan mutu perkhidmatan pengangkutan dan penggunaan ICT Technologies, Peraturan Persekitaran dan keselamatan fizikal.

“Saya amat gembira untuk berkongsi bahawa Kementerian Perhubungan sedang melaksanakan beberapa inisiatif yang kami percaya akan membawa kita ke arah itu.

Pertama Jabatan Pelabuhan kini di tengah-tengah dua proses tender. Satu adalah pembinaan tambahan Projek Terminal Kontena Muara sebanyak 150 - 200 meter yang dijadualkan siap sebelum akhir 2016. Pembinaan tambahan ini akan meningkatkan keupayaan terminal daripada 220,000 TEU kepada 330,000 TEU,” ujarnya lagi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan projek kedua ialah tender pada Kontrak Operasi Terminal Kontena Muara yang diharap akan

dapat menarik pertubuhan pengendali antarabangsa dengan kandungan tempatan untuk mempromosi dan memasarkan sebagai hub pindah kapal di rantau BIMP-EAGA.

Selain itu juga tambahnya, sebagai sebahagian daripada pembangunan Pulau Muara Besar, saluran Muara yang akan dikorek sedalam 14 meter dari 12 meter sudah pasti akan melengkapkan dua projek dan membolehkan kapal lebih besar berlabuh di Pelabuhan Muara nanti.


Dari segi institusi mekanisme, ujan, Kementerian Perhubungan merupakan pemacu dalam memproses pengkorporatan bagi Jabatan Pelabuhan yang akan menjadikannya lebih cekap, produktif, dinamik, berdaya saing dan mampu untuk bertindak balas kepada pasaran berubah lebih cepat.

Tambahnya lagi, salah satu inisiatif yang dijalankan juga ialah penubuhan Lembaga Brunei Maritim dan Pelabuhan dengan mengkorporatkan (*corporatizing*) Jabatan Laut dan menjadikannya sebuah badan berkanun bebas (*independent statutory body*), agar dapat mengurus dan mengawal selia industri logistik dengan lebih baik.

Kapal kontena terbaru dan terbesar MTT Shipping Sdn. Bhd. membuat pelayaran sulungnya dari Pelabuhan Muara dan dinamakan MV MTT Muara sempena nama pelabuhan tersebut.

MV MTT Muara mempunyai kapasiti nominal sebanyak 1,679 TEUS dan pengambilan sarat sebanyak 1,250 TEUS, menjadikannya juga kapal terbesar yang pernah ditempatkan dalam perdagangan di antara Semenanjung Malaysia dan Singapura ke Borneo Utara.

Pelabuhan Muara merupakan pintu masuk utama perdagangan Negara



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa memberi ucapan khas.

Brunei Darussalam dan sedang berkembang bagi memenuhi keperluan serantau dan dikaitkan dengan lebih daripada 14 pelabuhan lain oleh syarikat perkapalan utama dan perkhidmatan bas pengantara, dengan lebih daripada 90 peratus daripada import negara dan eksport disalurkan melalui Muara.

Selain itu, Pelabuhan Muara juga mempunyai dua terminal. Satu terminal, iaitu konvensional dengan keluasan 611 meter dan satu terminal kontena dengan keluasan 250 meter.

Hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.



YANG Berhormat Menteri Perhubungan ketika merasmikan Majlis Menyambut Ketibaan Pelayaran Sulung Kapal MV MTT Muara yang berlangsung di Terminal Kontena Muara, Pelabuhan Muara.

Buka peluang perdagangan tanpa halangan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Nur Faizzah Nawang
Foto : Mohd. Mahdi Haji Morsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Kumpulan Kerja diharap akan dapat bekerjasama dari segi pemikiran dan idea untuk mengatasi cabaran, dan kekangan ke arah penubuhan infrastruktur piawaian dan pematuhan.

Ini akan membuka pintu untuk membebaskan peluang perdagangan tanpa halangan dan berdaya saing dengan visi ASEAN, iaitu untuk berubah ke rantau ASEAN yang stabil, makmur dan sangat berdaya saing dengan pembangunan ekonomi yang saksama, kemiskinan yang berkurangan dan jurang sosioekonomi.

Timbalan Setiausaha Tetap

(Pembangunan Industri dan Keusahawanan) Kementerian

dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Awang Haji Khairuddin bin Haji Abd. Hamid menyatakan perkara itu semasa berucap merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan ASEAN mengenai Piawaian dan Kualiti (ASEAN Consultative Committee for Standards and Quality - ACCSQ) Ke-28 bagi Kumpulan Kerja 2 - Penilaian Pematuhan yang berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Terdahulu, beliau berharap ini akan membuahkan hasil dan berjaya serta para peserta yang menghadiri bengkel dua hari akan

menyediakan laluan yang jelas untuk Kumpulan Kerja 2 bagi melaksanakan dan memainkan peranan dalam menyediakan sokongan terhadap masyarakat ASEAN yang lebih baik.

Mesyuarat ACCSQ Ke-28 bagi Kumpulan Kerja 2 - Penilaian Pematuhan yang bermula 15 April dan berakhir 16 April dianjurkan oleh KPSSU yang didahului Bengkel Penajaan yang berlangsung pada 13 -14 April 2015.

Dengan dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pengarah Akreditasi, Jabatan Standard Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Malaysia, Encik Mohd. Hamzaini bin Hashim, mesyuarat tersebut dihadiri oleh wakil-wakil dari Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Viet Nam termasuk wakil-wakil dari Sekretariat ASEAN.

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan ASEAN mengenai Piawaian dan Kualiti ditubuhkan untuk menghapuskan halangan-halangan teknikal kepada perdagangan intra-ASEAN dalam sektor barangan.

Melalui kerja kumpulan ini, piawaian dan pematuhan ASEAN ditubuhkan secara komprehensif dan bersepadu, yang seterusnya dapat dengan pelaksanaan sistem pentauliahan bagi badan-badan penilaian pematuhan dalam negara anggota ASEAN untuk memastikan bahawa ujian dan laporan penentuan, pemeriksaan dan pensijilan mengikut piawaian atau standard antarabangsa.

Dengan penerimaan dalam

Komuniti ASEAN akan membenarkan pergerakan bebas barangan di seluruh ASEAN, di samping juga mengurangkan kos aktiviti perdagangan melalui penghapusan semula atau pensijilan semula.

Kumpulan Kerja 2 dalam usaha berterusan bagi mengekalkan sasaran tertentu ke arah pencapaian mesyuarat berkenaan telah diberikan tugas untuk memberi sokongan kepada badan-badan sektor di bawah bidang kuasa ACCSQ dalam bidang penilaian pematuhan.

Oleh itu, Kumpulan Kerja 2 sedang berusaha keras dalam memudah cara pelaksanaan Perjanjian Pengiktiran Bersama (MRAs) mengenai laporan ujian dan sijil dalam Pasaran ASEAN.

Para pengguna akan manfaat melalui jaminan kualiti produk yang terdapat di pasaran yang telah diuji mengikut keperluan MRAs. 11 sektor utama yang telah dikenal pasti, termasuk elektronik, e-ASEAN, penjagaan kesihatan, produk berasaskan kayu, automotif, produk berasaskan getah, tekstil dan pakaian, produk berasaskan pertanian, perikanan, pengangkutan udara dan pelancongan dan pada masa ini.

Garis panduan ASEAN mengenai akreditasi dan penilaian pematuhan adalah di akhir peringkat penggubalan di mana garis panduan ini memainkan peranan penting dalam penyediaan dan merupakan syarat wajib kepada para pembekal ASEAN ke arah integrasi pasaran, di samping memudahkan perdagangan dalaman yang juga berfungsi untuk mengekalkan atau memperluas akses untuk pasaran luar.

Negara Brunei Darussalam telah beransur-ansur mendapat kelebihan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan), KPSSU, Awang Haji Khairuddin bin Haji Abd. Hamid semasa berucap merasmikan Mesyuarat ACCSQ Ke-28 bagi Kumpulan Kerja 2 - Penilaian Pematuhan.

yang besar terutamanya dalam perkara mengukuhkan pengetahuan dan kecakapan institusi bagi pelbagai agensi dalam Sektor Keutamaan Integrasi.

Adalah diharapkan dengan yang konsisten dan kesungguhan, dapat dibayangkan bahawa usaha ini akan terus membantu mengurangkan Halangan Teknikal kepada Perdagangan ke Negara Brunei Darussalam yang secara terus-menerus akan menyumbang ke arah pelaksanaan Rangka Tindakan Ekonomi ASEAN pada tahun 2015.

Ia diharap akan dapat mengukuhkan dan meningkatkan keupayaan dan produktiviti ASEAN untuk bersaing dalam pasaran global yang mencabar.

Turut hadir ialah pengarah-pengarah, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan kementerian tersebut.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan), Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Awang Haji Khairuddin bin Haji Abd. Hamid semasa hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan ASEAN mengenai Piawaian dan Kualiti (ASEAN Consultative Committee for Standards and Quality - ACCSQ) Ke-28 bagi Kumpulan Kerja 2 - Penilaian Pematuhan.

UBD lancarkan empat buku ilmiah, sastera



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) semasa melancarkan empat buah karya ilmiah dan sastera.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Sempena Sambutan 100 Tahun Pendidikan Formal Negara Brunei Darussalam, Universiti Brunei Darussalam (UBD) melancarkan empat buah karya ilmiah dan sastera bagi sama-sama menyemarakkan, di samping merefleksikan perkembangan pendidikan pada sepanjang abad kebelakangan ini.

Hadir selaku tetamu kehormat melancarkan buku-buku tersebut pada majlis yang berlangsung di bangunan tambahan, Open Concourse, Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah Institute of Health Sciences (PAPRSB IHS), UBD di sini ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Juga hadir ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong;

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hamzah Mohiddin

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, para penulis serta pegawai akademik UBD.

Sementara itu, Pengarah Akademi Pengajian Brunei (APB), Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah dalam ucapannya menjelaskan, sebanyak empat buah buku dilancarkan iaitu buku pertama berjudul 'Tradisi dan Reformasi Pendidikan : Merista Jasa Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin' Jilid I, dan buku kedua, 'Tradisi dan Pendidikan: Merista Jasa Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin' Jilid II yang diterbitkan oleh APB dan YSHHB yang mana kedua-dua buku ini telah ditaja penerbitannya oleh YSHHB.

Menurutnya, kedua-dua jilid buku ini adalah kumpulan esei dan kertas kerja mengenai pendidikan yang ditulis oleh para penulis tempatan.

"Sebanyak 58 judul tulisan oleh 48 orang penulis telah pun dimuatkan dalam buku ini, yang secara umum telah dibahagikan kepada empat kumpulan mengikut tema, iaitu bahagian satu mengenai sejarah pendidikan, bahagian dua mengenai pendidikan secara umum, bahagian mengenai dasar dan sistem pendidikan, dan bahagian empat mengenai pendidikan secara khusus. Bahagian satu dan dua dimasukkan ke dalam jilid satu, dan bahagian ketiga dan keempat dimasukkan ke dalam jilid dua," ujarnya.

Jelasnya, dua buku berikutnya adalah buku kreatif yang diterbitkan oleh Program Bahasa, Kesusasteraan dan Kesenian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), UBD.

Beliau menambah, buku ketiga sebuah novel berjudul 'Pengawal Kuala' karya Muslim Burmat dikenali sebagai Dato Paduka Awang Haji Muslim bin Haji Burut yang menceritakan keadaan sebuah masyarakat di Ramba (mungkin sahaja di Baram dalam wilayah Sarawak)

yang di bawah pentadbiran Brunei pada awal Abad Ke-19.

"Novel ini merupakan sebuah novel berunsur sejarah yang tidak mementingkan jalan cerita. Penulis hanya bercerita keadaan masyarakat suku kaum pedalaman Sarawak, dan pihak penguasa Brunei yang mengawal kuala Ramba. Muslim Burmat telah menggambarkan keadaan kesibukan perairan Ramba dengan kapal-kapal yang belayar dan singgah di kuala serta masalah-masalah yang dihadapi oleh penguasa yang mengawal Kuala dan sepanjang sungai Ramba," ujarnya lagi.

Sebagai penguasa yang mengawal kuala, tambahnya, tentu sahaja memerlukan peralatan ketenteraan bagi menghadapi segala kemungkinan tetapi pihak pengawal Kuala serba kekurangan dan tidak mampu bersaing dengan ancaman yang mempunyai peralatan yang lebih canggih.

Jelasnya lagi, bagaimana orang Brunei yang mengawal kuala mempunyai sifat keperwiraan dan menghormati keperwiraan seseorang, mereka pantang menyerah, biar mereka berundur, namun mereka tidak mahu dan pernah menyerah kalah.

Menurutnya lagi, buku keempat adalah sebuah antologi puisi berjudul 'Cahaya Terus Bersinar', iaitu sebuah kumpulan puisi yang ditulis oleh guru-guru atau mereka yang pernah terlibat dalam dunia pendidikan tanah air dan buku ini juga dihasratkan untuk diterbitkan sempena 100 Tahun Pendidikan Formal di Negara Brunei Darussalam.

"Sebanyak 100 buah puisi yang melambangkan 100 tahun pendidikan, yang telah dihasilkan oleh 37 orang penulis yang mengemukakan pelbagai tema mengenai pendidikan yang pada umumnya tentang kepentingan ilmu kepada murid sebagai generasi penerus kelangsungan bangsa dan peranan guru dalam memberikan didikan kepada anak bangsanya bagi mewujudkan sebuah masyarakat

yang berilmu dan berakhlak mulia," terangnya.

Selain itu, puisi-puisi yang termuat dalam antologi ini, tambahnya, juga dapat dianggap sebagai lensa sejarah yang merakamkan pengalaman-pengalaman guru dan menggambarkan situasi pendidikan di Negara Brunei Darussalam masa lalu sehingga sekarang.

Pada majlis itu, Yang Berhormat Menteri Pembangunan juga menyampaikan buku-buku kepada para penulis.

Menerusi tajaan YSHHB, penerbitan ini diharap dapat menambah khazanah buku-buku akademik dan kreatif Negara, di samping sebagai bacaan umum masyarakat terutama sekali dalam kalangan pelajar dan mereka yang berkepentingan.

Pada masa yang sama, ia juga berperanan selaku wahana unggul dalam menyebarkan hasil penerbitan APB dan FASS bukan saja di peringkat dalam negara tetapi juga serantau dan antarabangsa.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan lain-lain tetamu khas semasa hadir pada majlis pelancaran empat buah karya ilmiah dan sastera Sempena Sambutan 100 Tahun Pendidikan Formal Negara Brunei Darussalam.



EMPAT buah buku yang dilancarkan ialah buku berjudul 'Tradisi dan Reformasi Pendidikan: Merista Jasa Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin' Jilid I; buku 'Tradisi dan Reformasi Pendidikan: Merista Jasa Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin' Jilid II; novel berjudul 'Pengawal Kuala' dan sebuah antologi puisi berjudul 'Cahaya Terus Bersinar'.

Doa Kesyukuran sempena Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

Pegawai Masjid, Awang Haji Jofri bin Haji Abidin dan diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat, Bertahlil dan Doa Kesyukuran.

Juga turut diadakan ialah Majlis Penyerahan Sumbangan Waqaf daripada Jabatan Penerangan yang berupa beberapa barang keperluan masjid, wang tunai dan 100 naskhah buku Yaa Siin yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis kepada Pegawai Masjid, Awang Nuzli bin Haji Jumat dan diselajurkan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Jabatan Penerangan ditubuhkan pada 1 April 1952 dan dahulunya dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan.

Dalam usianya yang menjangkau 63 tahun, Jabatan Penerangan telah melangkah maju ke hadapan sejajar dengan misi jabatan berkenaan untuk memelihara dan mencemerlangkan imej raja, negara dan kerajaan melalui penyebaran maklumat yang cepat, tepat dan berwibawa serta menjadi platform dua hala di antara kerajaan dan rakyat dalam mendukung falsafah, aspirasi dan matlamat negara melalui strategi kerja dalam penyaluran maklumat melalui Media Cetak,

Komunikasi Bersemuka dan Media Baru.

Antara peranan utama Jabatan Penerangan adalah sebagai lidah dan telinga kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan serta mendengar isu-isu serta *concerns* orang ramai dan memahami agenda media massa.

Selain itu, jabatan berkenaan juga berperanan untuk memupuk dan memelihara semangat cintakan raja dan negara, mengendalikan pengurusan

dan ehwal hubungan dengan media serta mengendalikan aktiviti publisiti dan promosi bagi acara-acara kebesaran.

Jabatan ini juga menerbitkan Pelita Brunei selaku Akhbar Rasmi Kerajaan setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu, sementara orang ramai boleh melayari Pelita Online setiap hari melalui www.pelitabrunei.gov.bn.

Di samping itu, orang ramai juga boleh melayari dan mengikuti media sosial Jabatan Penerangan di laman Facebook : Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, akaun Instagram : @infodept.bn dan akaun Twitter : @infodept_bn.



SETIAUSAHA Tetap JPM, Awang Haji Mohd. Rozan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyerahkan wakaf daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan sempena Sambutan Hari Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun.

MADANG, Rabu, 15 April. - Dalam menyambut Hari Penubuhannya Ke-63 Tahun, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengadakan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah yang turut diselajurkan dengan Majlis Bertahlil dan Doa Kesyukuran bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), JPM, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Hadir sama ialah Pemangku

Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan pegawai-pegawai kanan dari JPM; pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit dan juga penduduk-penduduk Kampung Manggis serta Madang dan sekitarnya.

Majlis dimulai dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh

Pentingnya hubungan silaturahmi

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertaqwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Segala puji kita panjatkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah mengurniakan kita iman dan taqwa. Dengan iman dan taqwa kita dapat menjaga hubungan kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan dapat juga menjaga hubungan kita sesama manusia. Dalam hubungan kita sesama manusia, kita dituntut untuk merapatkan hubungan silaturahmi dengan semua orang lebih-lebih lagi dengan keluarga yang ada hubungan nasab, iaitu ikatan pertalian darah seperti ibu bapa, anak lelaki, anak perempuan, adik-beradik ataupun orang-orang yang mempunyai hubungan kekeluargaan.

Sesungguhnya banyak cara untuk kita mengeratkan hubungan silaturahmi ini, antaranya dengan cara saling kunjung-mengunjungi tidak kira sama ada di musim

perayaan ataupun bukan, seperti saling menghulurkan bantuan, memberi hadiah, memberikan pertolongan bila diperlukan, dan sebagainya. Ketahuilah bahawa Allah Subhanahu Wata'ala sangat menyukai orang yang sentiasa menjaga hubungan silaturahmi dan akan mengurniakan pahala yang besar kepada mereka yang menjaga hubungan silaturahmi itu.

Ingatlah wahai kaum Muslimin bahawa Allah Subhanahu Wata'ala sangat membenci kepada sesiapa yang memutuskan hubungan silaturahmi sesama manusia dan melaknat mereka itu, sebagaimana firmanNya dalam Surah Muhammad ayat 22-23 :

Tafsirnya : “Maka jika kamu berpaling daripada perintah Allah tidakkah nanti kamu akan melakukan kerosakan di bumi dan memutuskan silaturahmi dengan kaum kerabat kamu? Mereka itulah orang yang dilaknat oleh Allah, dan ditulikan pendengaran mereka serta dibutakan penglihatan mereka.”

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah ditanya mengenai silaturahmi ini sebagaimana hadith :

Maksudnya : “Dari Ayub Radiallahuanhu : bahawa ada seorang laki-laki berkata kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam : beritahukan kepada ku suatu perbuatan yang menyebabkan aku masuk ke syurga. Ada orang lain bertanya : ada apa dengan orang itu? Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab : Dia menanyakan sesuatu untuk dirinya. Kemudian Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Kepada penanyanya pertama : Beribadallah kepada Allah tanpa menyekutukanNya dengan sesuatu, dirikanlah sembahyang, tunaikanlah zakat dan sambunglah silaturahmi.”

(Riwayat Imam Al-Bukhari).

Dalam hadith yang diriwayatkan oleh Aisyah Radiallahuanha pula Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : “Silaturahmi, kebaikan akhlak dan kejiwaan yang baik pasti akan memakmurkan negeri dan memanjangkan umur.”

Pada masa kini, penggunaan media massa sosial seperti Facebook, WhatsApp, internet dan lain-lain adalah sangat digemari dan menjadi kemudahan untuk berhubung. Penggunaan kemudahan-kemudahan yang tersebut itu bolehlah dimanfaatkan oleh kita semua dengan sebaik-baiknya terutama dalam mengeratkan hubungan silaturahmi antara kita. Mungkin saja ada di antara kita yang tidak berkesempatan untuk datang menziarahi sanak saudara dan sahabat handai dan juga rakan-rakan. Maka kemudahan-kemudahan yang disebutkan tadi dapat membantu kita berhubung di antara satu sama lain, bertanya khabar dan sebagainya. Walaupun media sosial tersebut terdapat juga kesan negatif, akan tetapi manfaatkanlah kesan positifnya seperti untuk mengeratkan silaturahmi.

Jadikanlah kemudahan-kemudahan ini untuk merapatkan hubungan kekeluargaan. Dengan yang demikian, hubungan yang jauh menjadi dekat, yang renggang menjadi rapat.

Kita ada membaca dan melihat di media massa bahawa ada golongan yang hidup susah dan dalam kekurangan sedangkan mereka masih mempunyai kaum keluarga yang berkemampuan. Maka disinilah peranan kita untuk mempererat tali hubungan kita dan memperkukuh hubungan silaturahmi kita dengan membantu mereka yang hidup dalam kesusahan itu. Jangan sampai terjadi daripada longgarnya hubungan silaturahmi ini, ada anak yang mengabaikan tanggungjawabnya terhadap kedua ibu bapanya yang lebih mengutamakan orang lain berbanding kedua ibu bapanya sendiri.



Perkara seperti ini tidak sepatutnya berlaku kerana berbuat baik kepada ibu bapa itu adalah tuntutan Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nisaa' ayat 36:

Tafsirnya : “Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu memutuskannya dengan suatu apa pun. Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanannya (yang terputus perbelanjaannya) dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membanggakan diri.”

Oleh itu, eratkanlah hubungan silaturahmi di antara keluarga, jauhkanlah dari permusuhan, mementingkan diri sendiri, benci-membenci dan sebagainya. Mudah-mudahan seluruh umat Islam khususnya keluarga kita mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan dijauhkan dari murka dan laknat Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar Ra'd ayat 25 :

Tafsirnya : “Dan di sebaliknya orang-orang yang melanggar perjanjian Allah selepas perjanjian itu diperteguhkan (diikrarkan) dan memutuskan apa yang diperintahkan oleh Allah supaya dihubungkan silaturahmi dan mereka juga melakukan kerosakan di bumi, mereka itulah yang mendapat laknat dan bagi mereka seburuk-buruk tempat kediaman di akhirat (neraka).”

PADA masa kini, penggunaan media massa sosial seperti Facebook, WhatsApp, internet dan lain-lain adalah sangat digemari dan menjadi kemudahan untuk berhubung. Penggunaan kemudahan-kemudahan yang tersebut itu bolehlah dimanfaatkan oleh kita semua dengan sebaik-baiknya terutama dalam mengeratkan hubungan silaturahmi antara kita. Mungkin saja ada di antara kita yang tidak berkesempatan untuk datang menziarahi sanak saudara dan sahabat handai dan juga rakan-rakan. Maka kemudahan-kemudahan yang disebutkan tadi dapat membantu kita berhubung di antara satu sama lain, bertanya khabar dan sebagainya. Walaupun media sosial tersebut terdapat juga kesan negatif, akan tetapi manfaatkanlah kesan positifnya seperti untuk mengeratkan silaturahmi.

وقت سمبھيغ داعيره بروني موارا دان تمبوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحي

وقت سمبھيغ ، امساك ، شوروق دان ضحي باقي داعيره بروني موارا دري هاري سبتو 18 افريل 2015 برسامان دغن 28 جمادي الاخير 1436 هيفغ
كهاري جمعة 24 افريل 2015 برسامان 5 رجب 1436 اداله سقرت دباوه اين:

عشاء	مغرب	عصر	ظهر	ضحى	شوروق	صبح	امساك	هجريه جمادي الاخير	هاري	مسيحي اقريل
7 . 38	6 . 27	3 . 32	12 . 21	6 . 36	6 . 12	4 . 55	4 . 45	28	سبتو	18
7 . 38	6 . 27	3 . 32	12 . 21	6 . 35	6 . 12	4 . 54	4 . 44	29	احد	19
7 . 38	6 . 27	3 . 33	12 . 21	6 . 35	6 . 12	4 . 54	4 . 44	1 رجب	اثنين	20
7 . 38	6 . 27	3 . 33	12 . 21	6 . 35	6 . 11	4 . 53	4 . 43	2	ثلاث	21
7 . 38	6 . 27	3 . 33	12 . 21	6 . 35	6 . 11	4 . 53	4 . 43	3	رابع	22
7 . 38	6 . 27	3 . 33	12 . 20	6 . 34	6 . 11	4 . 52	4 . 42	4	خميس	23
7 . 38	6 . 27	3 . 34	12 . 20	6 . 34	6 . 10	4 . 52	4 . 42	5	جمعة	24

وقت ٢ سمبھيغ باقي داعيره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان داعيره بلايت دتمبه نيغ مينيت دان سمبھيغ فرض جمعة دسوروبه نكارا بروني دارالسلام
دمولاء ي دري فوكول 12.45 نغ هاري

Kampung Saba simpan pelbagai lagenda

KAMPUNG Saba Darat 'B' merupakan sebuah kampung yang terletak di Kampong Ayer yang ditadbir oleh seorang Ketua Kampung, iaitu Awang Haji Mayalin bin Haji Saat yang juga memangku Kampung Saba Darat A dan Saba Laut.

Kampung Saba Darat B mempunyai 800 lebih orang penduduk, manakala lebih 500 orang penduduk yang tinggal di Kampung Saba Darat A dan perumahan. Kampung Saba Darat B mempunyai 84 buah rumah, sementara 55 buah rumah yang terdapat di Kampung Saba Darat A.

Menariknya, Kampung Saba ini mempunyai beberapa buah rumah perumahan serba moden, di samping rumah-rumah penduduk kampung yang sedia ada. Rumah-rumah di kampung ini tidak dinafikan mendapat perubahan dari segi strukturnya kerana perubahan zaman.

Kebanyakan penduduk di kampung ini bekerja sebagai penambang, pelaut dan bekerja sendiri seperti pembancuh simen.

ASAL NAMA

Asal nama Kampung Saba ialah Kampung Pabalat. Kampung Pabalat dikenali juga sebagai Kampung Nelayan, mereka menggunakan balat (kilong, lintau dan kabat) sebagai alat menangkap ikan. Pada awalnya Kampung Pabalat mempunyai kawasan yang luas dan terdapat banyak nama-nama kampung di dalamnya seperti Kampung Padian, Kampung Peminyak, Kampung Pedaun, Kampung Perambat, Kampung Setia Pahlawan, Kampung Khatib Sulaiman, Kampung Peramu dan lain-lain.

Dikatakan apabila sebahagian penduduk bertanya "Kan ke mana kau?" mereka akan menjawab "Kan ke Saba ku (Maksudnya mereka hendak pergi ke kuala sungai untuk mendapatkan ikan dan barang-barang keperluan harian dari kaum nelayan). Lama kelamaan kampung ini pun di panggil Kampung Saba.

Menurut Ketua Kampung, SABA juga adalah akronim yang bermaksud Saya Anak Brunei Asli.

Kampung ini tidak terkecuali mengalami kebakaran membuatkan kampung ini menyimpan pelbagai pelbagai lagenda antaranya ialah Sekolah Lela Menchanai. Kampung ini



PEMANDANGAN Kampong Ayer dari Jambatan Kastam Kampung Saba Darat dan kelihatan juga bangunan Sekolah Lela Menchanai yang telah dibuka rasmi sekitar tahun 1960-an.

juga banyak melahirkan tokoh-tokoh agama, para qari dan qariah di negara ini.

KEMUDAHAN

Antara kemudahan yang terdapat di Kampung Saba Darat B ialah sekolah rendah, iaitu Sekolah Rendah Saba Darat B, Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, gelanggang sepak takraw, balai ibadat dan sebuah dewan iaitu Dewan Muafakat.

Kampung ini juga aktif dalam aktiviti kampung antaranya mengadakan Dikir, mengaji Al-Qur'an, Tausyeh, Majlis Doa Arwah Semukim, mengadakan Dikir Maulud dari rumah ke rumah dan membersihkan tanah perkuburan.

Mengenai produk, terdapat juga beberapa penduduk kampung ini yang membuat produk secara persendirian yang sinonim sebagai pengeluar bahan makanan laut seperti udang kering selain membuat kuih-muih.

PERAHU LAIE-LAIE

Perahu laie-laie (sebahagian ada yang menyebut labi-labi atau perahu gubang) merupakan sebuah perahu yang digunakan untuk membangkit bintur yang hanya mampu menampung beberapa orang penumpang. Suatu ketika dahulu, ia biasanya dimainkan oleh golongan kanak-kanak.

Namun perahu laie-laie ini nampaknya sudah semakin dilupakan



PERAHU laie-laie yang semakin dilupakan ... Perahu ini lazimnya dimainkan oleh kanak-kanak.

kerana adanya perubahan zaman seperti perahu yang menggunakan enjin yang dilihat penggunaannya lebih efisien.

Apa yang menarik perahu laie-laie ini dikayuh menggunakan tangan sama ada menggunakan pinggan atau pengayuh yang diperbuat hanya sebesar tapak tangan iaitu dalam lingkungan empat inci. Sudah tentu banyak tenaga yang perlu dikerah untuk menjalankan pengangkutan ini.

Perahu laie-laie juga turut dijadikan satu perlumbaan bagi melihat tahap kekuatan dan kepantasan penduduk kampung mengayuh perahu tersebut. Bagi menambah tarikan kepada perahu laie-laie yang digunakan untuk perlumbaan, para peserta akan mewarna perahu mereka mengikut cita rasa masing-masing.

Kali terakhir lumba perahu ini diadakan ialah pada acara Sukan Air sempena dengan Sambutan



Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Ihsan HM Yusof,
PERKASA, Arkib Negara dan
Unit Kemasyarakatan,
Bahagian Kenegaraan dan
Kemasyarakatan, Jabatan
Penerangan



DEWAN Muafakat antara kemudahan yang terletak di Kampung Saba Darat B.



GELANGGANG sepak takraw.

Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram anjuran bersama Persatuan Kampung Saba (PERKASA) dan Biro Kawalan Narkotik pada 28 Jun 2010.

Acara tersebut diadakan di kawasan lapang berhampiran dengan Balai Ibadat Kampung Saba Darat B.

Antara acara yang turut diadakan pada pertandingan lumba perahu laie-laie ialah tarik kalat menggunakan perahu tersebut. Ketika itu pihak penganjur menyediakan pengayuh sebesar tapak tangan, iaitu kira-kira empat inci. Hadiah berupa wang tunai turut disediakan bagi para pemenang.

Menurut Ketua Kampung Saba Darat B, Awang Haji Mayalin, penduduk kampung ini bersedia untuk menganjurkan lagi perlumbaan seumpama ini sekiranya ada peruntukan bagi menyediakan hadiah-hadiah perlumbaan tersebut.

Perahu laie-laie yang suatu ketika dulu terkenal di Kampung Saba ini sememangnya antara imej Kampong Ayer yang patut dipelihara sebagai sebuah warisan dan khazanah yang dapat dibanggakan dan berdaya tahan bagi generasi-generasi yang akan datang. Mengadakan perlumbaan untuk perahu ini juga boleh dilihat sebagai satu usaha untuk memperkenalkan perahu yang kian pupus ini. Keberadaan perahu ini menunjukkan bagaimana tahap pemikiran orang zaman dahulu terhadap pembuatannya, di samping menunjukkan tahap kekuatan tenaga kanak-kanak ketika itu.



KAMPUNG Saba sekitar tahun 1949.



PERTANDINGAN tarik kalat menggunakan perahu laie-laie yang pernah dipertandingkan pada Sukan Air sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram.



TERDAPAT sebuah balai ibadat untuk kegunaan penduduk kampung dan sekitarnya.



SEBAHAGIAN peserta perlumbaan perahu laie-laie beradu tenaga bagi meraih kemenangan pada acara Sukan Air tersebut.

Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga selamat disempurnakan



YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad menjunjung anugeraha ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.



MAJLIS penuh adat istiadat turut dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri, Manteri-Manteri Hulubalang dan Manteri-Manteri Pendalaman, Duta-Duta, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan (atas), sementara gambar bawah, para jemputan yang hadir dalam Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Majlis-majlis istiadat sempena Istiadat Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah yang bermula pada 5 April lalu sampai kemuncaknya dengan Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Majlis tersebut disempurnakan di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Majlis dimulakan dengan Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud menyebarkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bahawa majlis telah siap sedia.

Seterusnya YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz menyebarkan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bahawa majlis siap sedia.

Sejurus selepas itu, DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bersaba kepada Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad supaya mengadap dan menyebarkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Laporan : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa baginda telah memperkenankan supaya Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia, dan menjunjung kurnia titah perkenan supaya majlis istiadat sebarang awal dimulakan."

Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad menjunjung anugeraha untuk mengadap Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjunjung kurnia perkenan baginda bagi memulakan Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga.

Setelah titah dijunjung, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad masuk semula ke dalam majlis untuk mengadap serta menyebarkan ke hadapan majlis DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah :

"Pada menjunjung titah Kebawah

Darussalam :

"Bisaitah Pehin mengadap dan menyebarkan ke hadapan majlis



MENTERI-MENTERI Kabinet semasa hadir dalam Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga turut direnjkikan dengan wangi-wangian.



MAJLIS Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga diserikan dengan Zikir Syarafil Anam (Zikir Marhaban).

DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa baginda telah memperkenankan supaya Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga dimulakan."

Empat orang Awang-Awang masuk ke dalam majlis untuk meletakkan Dian Empat yang sedia terpasang (bertunu) dan kemudiannya disusuli dengan Surat Zikir, bantal Geguling dan Pabarahan dibawa masuk oleh tiga orang Awang-Awang dan diletakkan di tempat yang ditentukan.

Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga diserikan dengan Zikir Syarafil Anam (Zikir Marhaban) sehingga kepada perenggan 'Ya Habibi', maka diikuti dengan tembakan meriam sebanyak 21 das.

Yang Dimulikan Pehin Penyurat Awang Maidin bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid; Yang Dimulikan Pehin Penyurat Haji Osman bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mohd. Said; Yang Dimulikan Pehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar

bin Pehin Orang Kaya Udana Lela Dato Paduka Haji Awang Umar dan Awang-Awang masuk ke dalam majlis dengan membawa 'Anchit' yang mengandungi minyak wangi-wangian dan seterusnya menyebarkan / memberikan kepada yang hadir.

Doa Dikir dibacakan oleh Yang Dimulikan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad kemudian masuk menyebarkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bahawa Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah sempurna dilaksanakan.

"Bisaitah Pehin mengadap dan menyebarkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah sempurna dilaksanakan, dijunjung kurnia perkenan supaya majlis ditutup dan seterusnya majlis menjunjung anugeraha."

Setelah titah dijunjung, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad masuk semula ke dalam majlis untuk menyebarkan kepada DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

"Pada menjunjung titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa baginda telah memperkenankan supaya majlis ditutup."

Majlis penuh adat beristiadat itu dihadiri oleh YAM Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri, Manteri-Manteri Hulubalang dan Manteri-Manteri Pendalaman, Duta-Duta, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara serta Setiausaha-Setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan.

Dalam Majlis Istiadat Menutup Gendang Jaga-Jaga tersebut, semua Alat Perhiasan Diraja diturunkan di Balai Pemajangan sebaik-baik sahaja tembakan meriam dilepaskan. Perhiasan yang mula-mula diturunkan ialah Bendera Charuk dan Tunggai di hujung atap Pemajangan.

Begitu juga dengan perhiasan yang lain seperti Ambal, Payung, Ubur-Ubur, Ula-Ula Besar dan Dadap merupakan alat perhiasan diraja yang diwarisi zaman-berzaman yang masing-masing melambangkan sesuatu ciri.



MAJLIS Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga disempurnakan di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.



SUASANA Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga yang berlangsung di Istana Nurul Iman.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

UNTUK MENGETAHUI DENGAN LEBIH LANJUT SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN TUGAS-TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN BERKENAAN SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn

Syarat-Syarat Am:

- Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
	• Buku-Buku Perpustakaan dan Alatan Elektrik Jumlah semua 622 Unit / buah	Sekolah Rendah Sungai Tali Lumut II, Daerah Belait
	• Buku-Buku Teks dan Alatan Perabot Sekolah Jumlah semua 3,832 Unit / buah	Sekolah Rendah Muhammad Alam Seria, Daerah Belait
	• Peralatan / Perkakas Elektrik Jumlah semua 215 Unit / buah	Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, Seria
	• Peralatan Makmal dan Makmal / Perkakas Elektrik dan Kenderaan Jumlah semua 145 Unit / buah	Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait
F	• Peralatan / Perkakas Pejabat Jumlah semua 5 Unit / buah	Pusat Sumber Unit Pendidikan Khas, Cawangan Belait
	• Buku-Buku Teks Jumlah semua 8,366 Unit / buah	Sekolah Rendah PSN Pg Mohd Yusof, Lorong 3 Selatan Seria
	• Alat Pemadam Api dan Peralatan Komputer Jumlah semua 116 Unit / buah	Maktab Anthony Abell, Seria
	• Peralatan Pejabat dan Perabot Sekolah Jumlah semua 23 Unit / buah	Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait
	• Peralatan Teknikal dan Peralatan IT Jumlah semua 705 Unit / buah	Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait
G	• Peralatan Sekolah dan Dapur Jumlah semua 99 Unit / buah	Sekolah Rendah Layong, Tutong
	• Perabot Sekolah Jumlah semua 34 Unit / buah	Sekolah Rendah PDN PJ Sengkarai, Tutong
	• Peralatan Komputer Jumlah semua 58 Unit / buah	Sekolah Rendah Penapar, Tutong
	• Peralatan Elektrik dan Buku-Buku Teks Jumlah semua 2,921 Unit / buah	Sekolah Rendah Tumpuan Telisai, Tutong
	• Peralatan Elektrik Jumlah semua 5 Unit / buah	Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Tutong
	• Peralatan Pejabat Jumlah semua 16 Unit / buah	Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong

LOT	JENIS PERKAKAS/PERALATAN/PERABOT	TEMPAT/KEPUNYAAN
H	• Peralatan Komputer Jumlah semua 85 Unit / buah	Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar, Temburong
	• Peralatan Elektrik Jumlah semua 34 Unit / buah	Sekolah Rendah Selapon, Temburong
	• Perabot Sekolah Jumlah semua 11 Unit / buah	Jabatan Sekolah-Sekolah Temburong
	• Perabot Sekolah Jumlah semua 14 Unit / buah	Sekolah Rendah Piasau-Piasau, Temburong
	• Peralatan Pejabat dan Elektrik Jumlah semua 16 Unit / buah	Sekolah Rendah Puni, Temburong

Borang sebutharga boleh didapati seperti di alamat-alamat berikut:

1. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira, Blok 2J6: 03-04 Tingkat 6, Kondominium Ong Sum Ping, Kementerian Pendidikan. Talian Telefon : 2230113. (Brunei / Muara)
2. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira. Bekas Barik Lama Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong TA 1341 Talian Telefon: 4260312
3. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira Rumah Kediaman Brunei Shell, Simpang 24-29 Jalan Maulana, Kuala Belait KD 145 Talian Telefon : 3347423
4. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira Bekas Asrama Jalan Masjid, Jabatan Sekolah-Sekolah. Temburong. Talian Telefon : 5222171 / 5222172

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. BORANG tawaran yang sudah lengkap diisikan hendaklah dihantar pada waktu dan masa seperti yang dinyatakan di bawah ini :-

Hari Isnin hingga Khamis & Sabtu

Jam : 8.15 Pagi hingga 11.30 Pagi dan

2.00 Petang hingga 4.00 Petang

2. Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar terus ke alamat yang dinyatakan di bawah ini dengan menggunakan sampul surat tertutup rapat dan ditulis dengan terang : **TAWARAN LELONG SECARA SEBUT HARGA BAGI HARTA BENDA KERAJAAN KEPUNYAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN** dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran sebut harga seperti yang beralamat dinyatakan di bawah ini :-

UNIT PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA

BLOK 2J6:03-04, TINGKAT 6

KONDOMINIUM ONG SUM PING

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BANDAR SERI BEGAWAN

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3. Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dalam masa 48 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam) setelah berjaya menerima surat makluman dan jika gagal berbuat demikian adalah dikira menarik diri dari tawaran jualan lelong tersebut.

4. Syarikat-syarikat dan orang ramai yang berjaya hendaklah memindahkan barang-barang tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari setelah menerima surat makluman. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan wang yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan dan barang-barang tersebut akan dilelong semula atau dimusnahkan.

5. Untuk keterangan lanjut syarikat-syarikat dan orang ramai yang berminat boleh berhubung terus atau membuat pertanyaan kepada **Ketua-ketua Jabatan Pengetua-Pengetua, Guru-guru Besar yang berkenaan bagi mengetahui jenis-jenis barang yang ditawarkan atau Unit Penghapusan Dari Kira-Kira, Kementerian Pendidikan, Talian Telefon : 2230113.**

6. Yuran tawaran **BND10.00** bagi setiap lot (**Tidak akan dikembalikan**).

Tarikh Tutup Tawaran pada: 25 April 2015 (Sabtu), Jam 2.00 Petang.



JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI JABATAN PERDANA MENTERI

**UNIT TAHANAN DAN PEMULIHAN,
JABATAN KESELAMATAN DALAM
NEGERI,
JABATAN PERDANA MENTERI**

JUALAN SECARA TAWARAN SEBUT HARGA

ADALAH dengan ini diberi notis, iaitu jualan secara tawaran sebut harga bagi **29 unit Peralatan / Perkakas Elektrik** kepunyaan Unit Tahanan dan Pemulihan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri seperti berikut :

KETERANGAN :

Kipas angin berbagai jenis (Mistral, Khind, Iona), penghawa dingin jenis split (set), water pump pelbagai jenis (Kikawa, OEL Centrifugal, Orange Winston 3000, Pentax, show FOU), kettle (Philips), elektrik stove (Indesit), mesin Hampages - Vacuum berbagai jenis (Hitachi, national), water dispenser (Aifa)

SEBANYAK : 29 unit

TEMPAT JUALAN BARANG :
Unit Tahanan dan Pemulihan Jerudong
Jabatan Keselamatan Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam.

Jualan Harta benda Kerajaan secara tawaran sebut harga ini akan diadakan pada **16 April 2015 hingga 28 April 2015**.

Waktu bagi melihat barang jualan :

9.30 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
(pada hari-hari bekerja)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong firma swasta dan orang-orang perseorangan.
2. Dokumen tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenainya boleh

diperolehi dengan menghubungi di talian 2660925 sambungan 212 (bagi mendapatkan dokumen tawaran dan syarat-syarat tawaran) semasa waktu pejabat di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Unit Tahanan dan Pemulihan Jerudong, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri. Borang Tawaran Sebut harga akan dikenakan bayaran sebanyak **BND5.00** (tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran.

3. Jika pembeli hendak melihat barang tawaran tersebut, hendaklah membuat temujanji terlebih dahulu seperti berikut:

Telefon Ofis: 2660925

4. Hanya pembeli yang berjaya dalam tawaran sebut harga akan dihubungi untuk tindakan selanjutnya.

5. Tawaran sebut harga yang berjaya ini adalah dinilai berdasarkan harga tawaran yang tertinggi.

6. Kesemua tawaran sebut harga hendaklah diisi menggunakan borang yang diberi secara lengkap dan dimasukkan ke dalam PETI SEBUT HARGA yang bertempat di Unit Tahanan dan Pemulihan Jerudong, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri **tidak lewat dari**

hari Rabu, 29 April 2015 pukul 9.30 Pagi. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapat (*sealed*) dengan menunjukkan bilangan sebut harga dan tajuk “**JUALAN SECARA TAWARAN SEBUT HARGA BAGI 29 UNIT PERALATAN / PERKAKAS ELEKTRIK; KIPAS ANGIN BERBAGAI JENIS (MISTRAL, KHIND, IONA), PENGHAWA DINGIN JENIS SPLIT (SET), WATER PUMP PELBAGAI JENIS (KIKAWA, OEL CENTRIFUGAL, ORANGE WINSTON 3000, PENTAX, SHOW FOU), KETTLE (PHILIPS), ELEKTRIK STOVE (INDESIT), MESIN HAMPAGES - VACCUUM PELBAGAI JENIS (HITACHI, NATIONAL), WATER DISPENSER (AIFA) KEPUNYAAN UNIT TAHANAN DAN PEMULIHAN JERUDONG, JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI**” tanpa menunjukkan identiti pemborong.

7. Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara tunai dan seterusnya bertanggungjawab untuk memindahkan barang-barang yang dibeli tidak lewat dua (2) hari dari tarikh jualan tersebut.



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

JUALAN LELONG SECARA TERTUTUP BAGI 111 UNIT PERALATAN KOMPUTER

(2 UNIT PLOTTER)
(13 UNIT PRINTER)
(27 UNIT MONITOR)
(2 UNIT SCANNER)
(22 UNIT CPU)
(27 UNIT KEYBOARD)
(18 UNIT MOUSE)

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong firma swasta dan orang-orang perseorangan.
2. Dokumen Tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenainya boleh didapati di **Bahagian Komputer, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama** atau dengan menghubungi pada talian **2383911** sambungan **777 / 252**
3. Untuk melihat barang-barang berkenaan, sila hubungi Mohd. Faizal bin Haji Abdul Karim di talian: 2382920 sambungan 201 atau 304 dan sila hadir pada **hari Rabu (15 April**

2015), Sabtu (18 April 2015) dan Isnin (20 April 2015), jam 9.30 Pagi hingga 12 Tengah Hari, jam 1.30 Petang hingga 4.00 Petang bertempat:

JABATAN PERKHIDMATAN BANGUNAN (DBS)

**Tingkat Bawah,
Bilik Bunga Jambangan / VIP
Jabatan Kerja Raya,
Jalan Landasan Lama, Berakas**

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dan masukkan ke dalam :

**PETI SEBUT HARGA
JABATAN PENTADBIRAN DAN
KEWANGAN
TINGKAT 1, BANGUNAN IBU
PEJABAT JKR
LAPANGAN TERBANG LAMA**

JALAN LANDASAN LAMA, BERAKAS BB3510

5. Tawaran-tawaran mesti dihantar **pada hari Selasa, 21 April 2015 tidak lewat pada jam 9.30 Pagi**.

6. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup dengan menunjukkan bilangan sebut harga dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong.

7. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan.

Pembeli yang Berjaya akan dimaklumkan dan adalah dihendaki membayar pembayaran secara tunai dan seterusnya bertanggungjawab untuk memindahkan barang yang dibeli **tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh pembayaran dibuat**.



BADAN KEMAJUAN INDUSTRI BRUNEI (BINA) KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

JUALAN LELONG SECARA TERTUTUP

Syarat-Syarat Tawaran :

1. JUALAN Lelong Secara Tertutup adalah dipelawa kepada orang ramai.
2. Borang tawaran keterangan spesifikasi serta syarat-syarat keterangan bolehlah diperolehi di **Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Tingkat 1, Ibu Pejabat Badan Kemaajuan Industri Brunei (BINA), KM.8, Jalan Beribi Gadong BE1118** semasa waktu pejabat.
3. Harga permulaan bagi kesemua enam (6) Unit Peralatan / Perkakas Elektrik ialah **BND10.00 (Ringgit : Sepuluh Sahaja)**
4. Setiap borang tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapat tanpa menunjukkan identiti pembeli serta menyatakan Tajuk Jualan Lelong tersebut dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat:

Ibu Pejabat

**Badan Kemaajuan Industri Brunei (BINA)
KM.8, Jalan Beribi Gadong, BE1118
Negara Brunei Darussalam**

5. Bagi yang berminat untuk memeriksa dan mengenal pasti kenderaan tersebut bolehlah datang ke tempat yang di nyatakan diatas.
6. Tarikh tutup menghadapkan borang tawaran berkenaan pada hari **Sabtu, 29 April 2015, jam 9.00 Pagi**. Borang tawaran secara pos atau lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
7. Hanya pembeli yang berjaya dalam tawaran sebut harga akan dihubungi untuk tindakan selanjutnya. Surat pemberitahuan akan diberikan kepada pembeli yang berjaya dan pembayaran hendaklah dibuat dalam masa dua (2) minggu dari tarikh surat pemberitahuan dikeluarkan.
8. Lelongan sebut harga yang berjaya ini adalah dinilai berdasarkan harga tawaran yang tertinggi.
9. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara tunai dan seterusnya memindahkan barang-barang yang telah dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh pembayaran tersebut. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

UBD/E8/003/2015

Tawaran bagi Penyewaan Unit-Unit Ruang 'Food Court' (Kaunter 2) di Bangunan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Brunei Darussalam (bagi tempoh 3 tahun) BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Unit Tawaran & Sebut Harga, Bahagian Pentadbiran Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link BE1410, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 2.00 Petang pada hari Selasa, 5 Mei 2015.

(2) Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

(3) Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.

(4) Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.

(5) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong dan ditujukan kepada :

**PENGERUSI,
JAWATANKUASA TAWARAN
TABUNG,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK BE1410
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

(6) Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.

(7) Bayaran Dokumen & Pentadbiran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan **WANG TUNAI**.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut :-

ISNIN - KHAMIS

8.00 Pagi - 11.00 Pagi

1.30 Petang - 3.30 Petang

SABTU 8.00 Pagi - 11.00 Pagi

1.45 Petang - 3.30 Petang

(8) Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

(9) Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

(10) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

(11) Lain-lain perkhidmatan boleh didapati dari **http : www.ubd.edu.bn**



KEMENTERIAN PERTAHANAN

JPPK/LTN/06/2015

Tajuk Tawaran :

THREE YEARS TERM CONTRACT FOR MAINTENANCE AND REPAIR OF CATERING EQUIPMENT, MAIN AIR CONDITIONING PLANT, RAC AND SPLIT UNIT FOR MILITARY ESTABLISHMENT WITHIN TUTONG DISTRICT

Bayaran Tawaran :

BND500.00 (tidak dikembalikan)

Kelas : IV KE ATAS

Kategori : M01, E01 & E02

Tempoh Penyediaan : TIGA (3) TAHUN

TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Tingkat bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garrison BB3510, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat jam 2.00 Petang hari Selasa, 5 Mei 2014.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, di Blok D Tingkat 1, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison BS3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Jumaat). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 1 Mei 2015 hari Jumaat jam 3.30 Petang.**

b. Bayaran Tawaran *Tender Fee* hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatanarah

Kewangan dan Perolehan, Blok C, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran :

Isnin - Khamis :

8.00 Pagi - 3.00 petang

Jumaat : 8.00 Pagi - 10.30 Pagi

2.30 Petang - 3.00 Petang

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide-tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran

yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

f. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan catatan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBB) KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KONTRAK PENGGAL SELAMA (2) TAHUN (2015-2017) BAGI PENYEDIAAN, PEMBEKALAN DAN PENYAJIAN MAKAN / MINUM UNTUK PEGAWAI, KAKITANGAN DAN PESERTA (OYDP) YANG MENGIKUTI PELBAGAI PROGRAM PERKHIDMATAN OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBB), KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BILANGAN TAWARAN: KKBS/OBBB/F-003/01-2015/17

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat / Pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam serta memiliki Lesen Rampaian yang dikeluarkan oleh Jabatan Daerah.

2. Dokumen tawaran boleh diperolehi di

Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja.

3. Yuran Tawaran adalah **BND25.00** sahaja dan tidak akan dikembalikan kepada setiap Syarikat/Pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (*bona-fide tender*).

4. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang **rapi (sealed) dengan menyatakannya KKBS/OBBB/F-003/01-2015/17 - KONTRAK PENGGAL SELAMA (2) TAHUN (2015-2017) BAGI PENYEDIAAN, PEMBEKALAN DAN PENYAJIAN MAKAN/MINUM UNTUK PEGAWAI, KAKITANGAN SERTA PESERTA (OYDP) YANG MENGIKUTI PELBAGAI PROGRAM PERKHIDMATAN OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBB), KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** tanpa menyatakan nama penender dengan ditujukan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,**

Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.

5. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam **Peti Tawaran** yang disediakan di:

Tingkat 1, Ruang Masuk / Penyambut Tetamu (Depan Kaunter Sekuriti) Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BS8110, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 2.00 Petang hari Selasa, 28 April 2015.

6. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

7. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari **Sabtu, 26 April 2015.**

8. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

9. Syarikat / Pembekal yang berhasrat untuk mengambil bahagian didalam tawaran ini adalah **DIMESTIKAN** untuk melawat serta melihat tempat-tempat pembekalan dan penyajian yang dimaksudkan di Kem Batang Duri OBBB dan Kem Belalong OBBB, Temburong dan kawasan Pantai Serasa, Muara sebelum menghadapkan sebarang tawaran. Kesemua keperluan pengangkutan darat / air ke

tempat-tempat tersebut di atas adalah di bawah tanggungjawab serta pembiayaan Syarikat / Pembekal tersebut masing-masing. Sebarang pertanyaan serta temujanji bolehlah dirujuk kepada pusat OBBB ditalian **2382970 / 1** semasa waktu bekerja.

10. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, Syarikat / Pembekal yang mengambil bahagian adalah dikehendaki untuk menghadapkan salinan Lesen Rampaian yang dikeluarkan oleh Jabatan Daerah, Sijil Perniagaan (Business Enactment Section 16 dan 17) serta surat kebenaran/pengelesen Kementerian Kesihatan berkenaan semasa membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

11. Salinan-salinan resit pembayaran (perenggan 3) dan Sijil Lesen Rampaian, Sijil Perniagaan, Surat Pengelesen Kementerian Kesihatan (perenggan 10) hendaklah disertakan bersama dengan Dokumen Tawaran.

12. Syarikat / Pembekal **DIMESTIKAN** untuk menghadapkan Salinan Menu bagi pembekalan *Fresh Ration* selaras dengan kadar tawaran yang dihadapkan untuk disertakan bersama dengan Dokumen Tawaran bagi rujukan dan penilaian pusat OBBB.

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

JABATAN BANDARAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam dua salinan dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis **Bilangan Tawaran** serta **tarikh tutup** tawaran iaitu tanpa menunjukkan **identiti Pengirim.**

3. Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam menurut Seksyen 16 & 17 dari akta nama-nama Perniagaan Business Names Act) dan syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang mempunyai bidang atau kepakaran dalam

kerja-kerja pembersihan dalam dan luar bangunan adalah diutamakan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah juga menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, Salinan Sijil Perniagaan (Business names of Enactment Section 16 & 17 atau List of Directors dan salinan Kad Pengenalan.

5. Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** bertempat di **Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan James Pearce,** dan dialamatkan kepada:-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal**

**Ehwal Dalam Negeri
Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan BS8610
Negara Brunei Darussalam.**

TAJUK: TO MAKE, SUPPLY AND DELIVER UNIFORM FOR BAHAGIAN KHIDMAT BANTU DAN PEMELIHARAAN KENDERAAN JABATAN BANDARAN BANDARAN SERI BEGAWAN

**BILANGAN TAWARAN : JBBSB/SH/2015-2016/03/BKBP
TARIKH TUTUP TAWARAN : SELASA, 5 MEI 2015 JAM 2.00 PETANG**

6. Bayaran menyertai tawaran ini ialah **BND10.00 bagi setiap satu tawaran** dan bayaran ini tidak akan dikembalikan kepada penender-penender. Bayaran boleh dibuat di:-

Bahagian Kaunter Perkhidmatan

**Pelanggan
Tingkat 3, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan
Jalan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam**

7. Dokumen tawaran boleh diperolehi dari **Unit Khidmat & Pemeliharaan Kenderaan, Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Tingkat 1, Cawangan Pejabat Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Depot Kampung Belimbing Subok** dan tarikh terakhir bagi mendapatkan dokumen sebut harga berkenaan ialah pada hari **Selasa, 28 April 2015, jam 11.00 Pagi.**

8. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran yang disebutkan tidak akan dilayan.

9. Pihak Kerajaan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BIL. TAWARAN: JAPEM/2015 (PEMBUANGAN SAMPAH)

PERKHIDMATAN PEMBUANGAN SAMPAH:

1. PUSAT BAHAGIA, JAPEM, KAMPUNG PULAI
2. KOMPLEKS RUMAH KEBAJIKAN & STAFF QUARTERS, JAPEM, KAMPUNG BELIMBING
3. FLAT PENEMPATAN SEMENTARA, JAPEM KAMPUNG BELIMBING

Syarat-Syarat Tawaran :-

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat serta pemborong-pemborong yang

berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi semasa waktu pejabat, di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan.

3. Borang tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Jika ada pembetulan dibuat dengan menggunakan *blanco* hendaklah ditandatangani dan cop syarikat dikehendaki.

4. Pemborong hendaklah menyertakan

salinan Sijil Pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

5. Bayaran *tender fee* sebanyak **BND5.00 satu (tidak dikembalikan)** akan dikenakan kepada pemborong-pemborong yang memasuki tawaran ini dan hendaklah dijelaskan kepada Bahagian Hasil, Bantuan Am Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan salinan resit pembayaran tersebut hendaklah disertakan bersama borang tawaran.

Waktu bagi menerima menerima bayaran:

**Isnin - Khamis :8.00 Pagi - 11.30 Pagi dan 2.00 Petang - 3.30 Petang
Sabtu: 9.30 Pagi - 11.00 Pagi**

****Tarikh terakhir menerima pembayaran ialah pada hari Isnin, 11 Mei 2015.**

6. Borang tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan identiti atau logo

syarikat, tetapi hendaklah menyatakan bilangan dan tajuk tawaran projek dengan jelas, (satu sampul surat bagi satu tawaran) dan hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat:

**PETI SEBUT HARGA, TINGKAT 2
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT, BANGUNAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, SIMPANG 336-17 JALAN KEBANGSAAN BANDAR SERI BEGAWAN BC4415**

7. Tawaran hendaklah sampai ke alamat seperti yang dinyatakan tidak lewat pada **hari Isnin, 11 Mei 2015, jam 2.00 Petang** dan tawaran yang lewat diterima dari tarikh seperti yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



Oleh : Mardiah Haji Abdul Gapar

HAJAH Mas memberitahu pada kedua anaknya malam itu bahawa mereka akan pergi ke rumah Hajah Fasah, iaitu adik sepupunya kerana Hajah Fasah mengadakan majlis bertahlil untuk kedua orang tuanya dan keluarganya yang telah pergi lebih dulu dari kita semua. Kedua anak lelaki mereka tidak dapat pergi kerana mereka terpaksa bekerja shif malam. Jadi mereka hanya berkirim salam memohon maaf kerana tidak dapat hadir malam itu. Hajah Mas meminjam kereta yang dipunyai anaknya yang pertama bila majlis selesai nanti kereta itu akan dikembalikan tempat kerja anaknya.

Malam itu Hajah Mas pergi bersama dengan kakaknya Julia dan dua anak saudaranya. Aisah anak dari adiknya yang bungsu, Firda anak kakaknya Julia dan Ishak anak lelakinya yang bungsu. Ketiga mereka ini duduk dikerusi bahagian belakang, yang duduk di hadapan adalah kakaknya Julia.

Walaupun acara malam itu selesai hampir jam 10 malam tapi sudah menjadi kebiasaan kepada keluarga mereka akan duduk lagi dan bercerita tentang masalah keluarga masing-masing. Tambahan lagi hari esoknya adalah hari Jumaat. Tidak apa kalau tidur lewat malam. Hajah Mas dan kakaknya Julia meminta diri untuk pulang, Hajah Mas meminta pada kakaknya Julia dan yang lain supaya menunggu saja di halaman rumah Hajah Fasah sementara dia akan membawa kereta ke sana. Kerana malam itu, hujan turun renyai-renyai. Hajah Mas berjalan menuju ke arah letak keretanya yang berada diselekeh jalan. Walaupun ada lampu yang menarangi kawasan itu tapi oleh kerana terlalu sunyi terasa juga seram di hati Hajah Mas.

Semasa Hajah Mas hendak masuk ke dalam kereta seperti ada angin yang deras berlalu di sebelah kanan badannya. Hajah Mas memandang dikelilingnya tapi semua pokok yang ada di sana tenang saja. Hajah Mas tak kisah lalu mengemudi keretanya

menuju ke rumah Hajah Fasah. Sampai di halaman rumah Hajah Fasah seperti biasa yang tadinya duduk di belakang masuk mencari tempat duduk mereka. Aisah dan Ishak duduk berdekatan tapi bila saja Firda akan melabuh punggungnya seperti tidak ada ruang untuknya. Lalu dia bertanya pada Hajah Mas, “*Uda..! kenapa tia anda ku dapat duduk ani, macam sampit saja. Nah, anda muat*”, Firda memberitahu kepada Hajah Mas dan ibunya. Hajah Mas dan kakaknya Julia menoleh ke belakang mereka berdua, ingatkan Firda hanya bergurau. Lalu ibunya berkata sambil ketawa, “*Tatah lampau banyak makan, baik jua sampit kalau barat, anda kereta dapat berjalan.*”

Hajah Mas hanya tersenyum mendengar gurauan kakaknya. Tapi memang benar Firda tidak merasa selesa ditempat duduknya seperti ada orang yang duduk disebelahnya.

Perjalanan malam itu sangat santai. Ketiga remaja yang duduk di belakang tidak berkata, apalagi untuk bergurau seperti biasa yang selalu mereka lakukan. Terfikir juga dihati Hajah Mas mungkin anaknya dan dua anak saudaranya sedang mengantuk. Kerana terlalu kenyang. Setelah berjalan terlalu lama Hajah Mas merasa hairan seperti jalan yang ia lalui bukan jalan yang menuju kekampungnya. Dia sendiri tidak terasa kereta yang dipandunya menuju ke mana. Hajah Mas bertanya pada anaknya Ishak, “*Ishak..! di mana jalan kitani tuju ani? Bukan jua arah kitani ni, berapa sudah lampung hijau kitani lintasi, baru sebuah anikah?*” tanya Hajah Mas.

Tapi yang ditanyanya tidak menjawab. Ishak hanya memandang pada Aisah dan Firda seperti dia mahu mereka yang memberi jawapan pada ibunya. “*Aisah! Di mana jalan kitani tuju ani? Berapa jam sudah kitani dijalan ani? Uda rasa macam jalan Jerudong, kenapa anda kamu memberitahu yang Uda ani sudah salah jalan? Jauh sudah rupanya kitani ani.*” Hajah Mas bertanya pada anak saudaranya Aisah. “*Ya tah, Uda. Aku pun hairan kenapa Uda anda*

Misteri orang tua

masuk kejalan Terunjing tadi, tapi bila ku kan bertanya mulut ku anda dapat ku buka, macam anda tangan menutup.”

Aisah menerangkan pada Hajah Mas. Julia tidak kisah ke mana adiknya membawa mereka malam itu. Dia hanya tenang sambil berkata, “*Anda apa tu, sekali-kali makan angin malam nyaman jua rasanya, sama jua esok hari Jumaat.*” Sepertinya dia senang dan merasa damai memerhati alam yang dicipta Tuhan diwaktu malam. Sambil berselawat sebagai nyanyian-nya itu sudah menjadi kebiasaan dirinya. Baik di rumah atau di mana saja kalau dirasanya ada masa yang senang dia tetap akan berselawat.

“*Jah.. kalau kau teliat kadai damit karang beranti kau dulu ah.. aku kan turun membalit telur sama mentega kan pakai ku membuat kuih esok pagi.*” Pinta Julia pada adiknya Hajah Mas. “*Ya.. Tuhan..! Uda! Anda tah kali mama ani tau kan malam, kan bejaur kadai tia lagi, ma.. kadai mana kan yang buka, tengah malam sudah ni.*” anaknya Firda mengeloh kegelisahan.

Seperti dia tidak merasa nyaman malam itu kerana mereka telah termasuk ke jalan yang salah. Setelah berjumpa tanda untuk berpusing dengan tidak membuang masa Hajah Mas pun membelokkan kereta yang dipandunya sambil bersyukur kepada Tuhan dan berselawat kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam kerana mereka telah terjumpa jalan untuk pulang.

Bila sampai di lampu isyarat antara Berakas dan Jalan Terunjing masih ada kedai pasar raya yang buka. Hajah Mas memasuki kawasan kedai itu dan berhenti tidak jauh dari jalan raya. Kebetulan tidak ada kereta yang keluar kerana pasar raya itu sudah hampir akan ditutup oleh tuan yang punya kedai.

Kakaknya turun dari kereta diikuti oleh anaknya Firda. Hajah Mas hanya duduk di dalam kereta. Hajah Mas terpendang seorang tua yang lalu di hadapan keretanya. Hajah Mas tidak tahu dari manakah orang tua itu datang. Kerana Hajah Mas tidak nampak ada kereta yang memasuki kawasan kedai itu. Hajah Mas merenung orang tua itu, baju yang dipakai cara melayu warna putih berkain pelikat serbannya jua berwarna putih. Ada tasbih tergantung ditangannya. Hajah Mas berfikir mungkin orang tua itu baru pulang dari masjid yang tidak jauh dari kedai itu. Orang tua itu berhenti di hadapan kereta Hajah Mas lalu memandang padanya. Tidak tersenyum. Selepas itu dia pun berjalan memasuki kedai dan menghilang dari pandangan Hajah Mas.

Tidak lama menunggu, kakaknya pun keluar dari dalam kedai dengan membawa satu tray telur dan dua kantung plastik yang berisi barang-barang yang dibelinya. Hajah Mas tidak tahu apa saja yang dibeli oleh kakaknya. Terlintas juga dihatinya ingin bertanya adakah kakaknya terjumpa orang tua yang dilihatnya. Tapi mulutnya tidak dapat dibuka. Dia berfikir sejenak kenapa pula orang tua itu yang ingin ditanyakannya sedangkan orang tua itu bukan ada hubungan apa-apa dengan dirinya. Sampai saja dirumah pada jam sudah pun menunjukkan 12 tengah malam. Setelah semuanya turun Hajah Mas mencari pula anak saudaranya yang lelaki, iaitu Masadi untuk menemaninya menghantar kereta anaknya ke tempat kerja. Kerana tidak lama lagi anaknya akan pulang.

“*Uda! Kenapa kita mengunjar kediaku?*” Masadi bertanya pada ibu saudaranya. “*Bah, kau ikutkan Uda dengan kereta mu sampai arah kerajaan Takim mu, karang Uda balik ikut kediakau saja.*”

Hajah Mas menghidupkan enjin kereta lalu berjalan menuju ke jalan besar. Hajah Mas merasa seperti ada yang sedang memerhatikan dirinya

dan dia jua merasa hairan kenapa tidak ada kereta yang lalu lalang ketika itu padahal malam baru saja hampir jam satu. Tidak seperti malam-malam yang lain kereta tidak pernah putus-putus sehingga jam tiga pagi pun kereta masih lagi ada dijalanan. Tapi malam itu terasa benar keheningannya seperti ada penghuni lain yang memiliki jalan itu. Hajah Mas memandang cermin yang ada ditepi jendela keretanya, dia tidak nampak cahaya lampu kereta anak saudaranya Masadi. “*Ke mana saja si Masadi ani, dari tadi belum jua kelihatan,*” Hajah Mas berkata sendiri. Setelah dekat ditempat anaknya bekerja. Hajah Mas mencari tempat yang selalu digunakan oleh anaknya. Ya, tempat itu memang ada lalu Hajah Mas pun memasukkan keretanya ke tempat itu. Setelah semuanya selesai Hajah Mas memandang cermin pandang belakang. Alangkah terkejutnya Hajah Mas, orang tua yang dilihatnya dipasar raya tadi ada duduk di dalam kereta anaknya. Orang tua itu juga memandang padanya. Hajah Mas tidak mahu lagi memandang orang tua itu dan dia juga tidak faham bilakah masanya orang tua itu berada di dalam kereta yang dipandunya. Tanpa membuang masa Hajah Mas turun dari kereta lalu berjalan menuju kejalan besar yang tidak jauh dari tempat ia meletakkan kereta anaknya. Dari jauh Masadi terpendang Hajah Mas berjalan tergesa-gesa seperti ada yang sedang mengejanya. Masadi mendekatkan keretanya ditepi jalan lalu bertanya.

“*Uda, mana kereta? Kenapa Uda bejalan sampai ke mari.. jauh jua ni, anda apa-apakah da?*”

Masadi memandang keliling tempat itu sepi, dia tidak nampak apapun yang menakutkan. Masadi dapat merasa ada yang tidak kena berlaku pada ibu saudaranya itu. Dengan wajahnya yang pucat seperti orang yang di dalam ketakutan, Hajah Mas mengarahkan supaya Masadi cepat-cepat meninggalkan tempat itu. Di dalam kereta pula Hajah Mas tidak henti-henti menyebut perkataan ‘SubhanAllah’. Hanya itu yang dapat dikatakannya. Sampai saja di rumah, Masadi mengikut Hajah Mas dari belakang. Kerana dia benar-benar ingin tahu apa yang terjadi pada Hajah Mas. “*Sudahtah, jangan ditanya dulu.. agatah kau tidur, esuk kau kan ke masjid sembahyang Subuh. Berapa jam saja lagi pagi tia hari.*”

Sambil berkata, Hajah Mas meninggalkan Masadi sendiri diruang bilik tamu. Di dalam bilik Hajah Mas berkata sendiri, siapakah orang tua itu,

kenapa dia ada di dalam keretanya, adakah orang tua itu orang ghaib? Ataupun ahli silap mata atau roh orang yang sudah meninggal yang mencari jalan untuk pulang? Dalam ia berfikir tentang orang tua itu. Tiba-tiba telefon bimbitnya berbunyi. Hajah Mas terkejut yang amat sangat. “*Ma.. Assalamualaikum, di mana mama menaruh kereta..? anda ada ditempatnya, puas sudah ku mengunjar.. apa anda mama mengantat kah?*” tanya anaknya. Hajah Mas seperti tidak percaya dengan pertanyaan anaknya.

“*Astahga..! Mengapa tah pulang anda mama mengantat..? Adatu tempat selalu kau menaruh, di sana tah mama mengampai.*”

Telefon terputus. Hajah Mas tidak dapat mendengar suara anaknya. Terfikir juga dihatinya. Mungkin orang tua tadi yang mencuri kereta anaknya. Hajah Mas merasa menyesal kenapa dia tidak bertanya kepada orang tua itu siapa dirinya dan apa sebabnya dia berada di dalam kereta itu. Hajah Mas benar-benar menyesal dengan kebodohan dirinya.

Tidak lama selepas itu, telefon bimbitnya berbunyi lagi. Hajah Mas menjawab dengan suara yang penuh bimbang.

“*Ma.. anda sudah, jangantah mama ingau.. kana tapuk. Tiga orang tubuh kami mengunjar, anda yang menabur sira. Tau-tau anda di sana jua ma! Ada orang membawa kediaku beibun, baik jua anda sampai pagi. Bah ma! Baiklah mulih ku dulu, Assalamualaikum.*”

Hajah Mas menjawab salam dari anaknya. Terasa lapang dada Hajah Mas mendengar khabar dari anaknya yang keretanya telah pun dijumpai. Kerana seingat Hajah Mas dia tidak salah tempat meletakkan kereta itu walaupun dia dalam ketakutan kerana terkejut dengan kehadiran orang tua yang tidak ia ketahui dari mana datangnya dan apa tujuannya menumpang keretanya malam itu.

Semua persoalan yang ada dikepala Hajah Mas malam itu tidak siapa pun dapat memberi jawabannya. Kalau orang tua itu adalah roh orang yang sudah meninggal. Siapakah yang dicarinya. Dari pandangan matanya orang tua itu seperti seorang alim. Wajahnya nampak bersih. Memang malam itu adalah malam yang sangat ganjil. Ia akan menjadi kenangan seumur hidup buat diri Hajah Mas dan juga satu persoalan yang tidak terjawab siapakah orang tua itu? Adakah dia akan datang lagi berjumpa dengan Hajah Mas?

PERJALANAN malam itu sangat santai. Ketiga remaja yang duduk dibelakang tidak berkata, apalagi untuk bergurau seperti biasa yang selalu mereka lakukan. Terfikir juga dihati Hajah Mas mungkin anaknya dan dua anak saudaranya sedang mengantuk. Kerana terlalu kenyang. Setelah berjalan terlalu lama Hajah Mas merasa hairan seperti jalan yang ia lalui bukan jalan yang menuju kekampungnya. Dia sendiri tidak terasa kereta yang dipandunya menuju ke mana. Hajah Mas bertanya pada anaknya Ishak, “Ishak..! di mana jalan kitani tuju ani? Bukan jua arah kitani ni, berapa sudah lampung hijau kitani lintasi, baru sebuah anikah?” tanya Hajah Mas.

Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga selamat disempurnakan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga yang berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah (Lihat muka 12 dan 13).

Doa Kesyukuran sempena penggunaan Surau LTAB

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 April. - Bagi menandakan bermulanya penggunaan Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) untuk penumpang dan pengunjung LTAB, satu Majlis Doa Kesyukuran sempena penyerahan bangunan surau tersebut.

Majlis juga diselenggarakan dengan membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Ratib Al-Attas bagi mangsa-mangsa lalu lintas jalan raya.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Surau LTAB tersebut ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong yang juga selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB); Setiausaha-Setiausaha Tetap JPM, Kementerian Pembangunan, Kementerian Perhubungan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KHEU dan Kementerian Perhubungan; Ahli-ahli Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR), pengarah-pengarah dan ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kementerian Perhubungan dan Jabatan Penerbangan Awam serta kakitangan agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Majlis didahului dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Zulkifli bin Haji Murat yang seterusnya memimpin bagi Sembahyang Sunat Hajat, membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, Ratib Al-Attas dan Doa Kesyukuran.

Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah pula diimamkan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis antara lain juga bertujuan bagi memohon doa terutama bagi pengguna-pengguna jalan raya supaya akan sentiasa diberikan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah sempena penyerahan bangunan Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

Memperkasa pembangunan kapasiti jana pendapatan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerna Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyampaikan sijil kepada lepasan Fasa 1, 2 dan 3 Program Perkasa Komuniti (PPK).

Dari muka 1

"Walau bagaimanapun, program ini belum lagi dapat memenuhi sasaran dalam mana jumlah mereka yang mengikuti program ini sejak ia diperkenalkan pada bulan Oktober 2013 hanya 91 orang sahaja yang telah tampil untuk menyertainya sungguhpun untuk menyertai program ini pihak JAPEM telah menyediakan pelbagai insentif seperti penyediaan elaun latihan, makan minum semasa kursus, pakaian dan pengangkutan," ujar Yang Berhormat.

Tegas Yang Berhormat, itu adalah satu cabaran dan kementeriannya

melalui JAPEM tidak akan berputus asa, tetapi akan terus meningkatkan usaha melalui pendekatan-pendekatan strategi yang baru untuk meningkatkan penyertaan golongan penerima bantuan yang mempunyai keupayaan mengikuti program berkenaan.

Antara strategi yang dikenal pasti, terang Yang Berhormat, ialah menyediakan *profiling* individu penerima-penerima bantuan kebajikan agar perhatian yang lebih fokus dan khusus kepada individu akan diberikan mengikut latar belakang mereka dan seterusnya menarik minat mereka yang mempunyai keupayaan fizikal serta mental untuk mengikuti program-program pembangunan

kapasiti yang dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seperti Program Perkasa Komuniti.

Akan tetapi, usaha memperkasa kapasiti penerima bantuan kebajikan, tegas Yang Berhormat, memerlukan pendekatan dua hala, di samping pelbagai usaha telah diadakan oleh pelbagai pihak di negara ini bagi meningkatkan taraf kehidupan rakyat, namun ia tidak akan berjaya jika golongan yang menjadi sasaran sendiri tidak mempunyai dan mengambil inisiatif untuk merubah kehidupan diri dan keluarga mereka sendiri.

Oleh kerana itu, tekan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, golongan yang menerima bantuan perlu tampil ke hadapan untuk sama-sama melaksanakan program-program pembangunan diri bagi merubah masa depan diri dan keluarga mereka.

Oleh yang demikian, dalam menghadapi cabaran hidup dan merubah kehidupan kita perlu berjariah dan berkarih baharu kita mendapat hasilnya yang mana walaupun sedikit akan terasa berkat dan manisnya.

Pada majlis tersebut seramai 87 orang pelatih telah berjaya menamatkan latihan kemahiran mereka di pusat tersebut selama tiga bulan bagi setiap fasa seperti, latihan dan kemahiran kursus masakan; catering, kek dan pastri, kursus komputer dan pengendalian pejabat serta kursus teknologi rekaian fesyen dan kursus terapi kecantikan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerna Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menjadi tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Kepada Lulusan Fasa 1, 2 dan 3 PPK.

TANPA JENAYAH MASYARAKAT AMAN DAMAI

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.